



---

# **STATUT-STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

---



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P.U (A) 214/79**

**STATUT I  
JUMAAH**

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :  
Tarikh mula berkuatkuasa :

20 hb September 1979  
4hb Oktober 1971

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Tafsiran.](#)

[Perenggan 3. Jumaah.](#)

**P.U (A) 214/79  
STATUT I - JUMAAH**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia[P.U. (A) 269/75], Canselor membuat Statut yang berikut:

**P.U (A) 214/79  
STATUT I - JUMAAH**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut I-JumaaH** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 4hb Oktober 1971.

**P.U (A) 214/79  
STATUT I - JUMAAH**

---

**Perenggan 2. Tafsiran.**

Dalam Statut ini, "ahli" ertinya seseorang ahli Jumaah.

**P.U (A) 214/79**  
**STATUT I - JUMAAH**

---

**Perenggan 3. Jumaah.**

(1) Jumaah hendaklah terdiri daripada semua ahli yang dinyatakan dalam seksyen 13 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [*P.U (A) 269/75*] termasuk dua orang wakil daripada Persatuan Siswazah.

(2) Seseorang ahli selain daripada ahli di bawah perenggan-perenggan (a) hingga (e) seksyen 13 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia boleh meletakkan jawatan dengan notis secara bertulis yang dialamatkan kepada Pendaftar.

(3) Apabila seseorang ahli mati, hilang kelayakan, tidak berupaya atau meletakkan jawatan, kekosongan itu hendaklah diisi dari anniversari Hari Penubuhan yang berikutnya dan orang yang dipilih atau dilantik untuk mengisi kekosongan itu hendaklah terus menjadi seorang ahli bagi baki tempoh jawatan orang yang digantikannya itu.

(4) Tertakluk kepada Peraturan-peraturan yang ditetapkan, tarikh-tarikh dan tempat-tempat mesyuarat Jumaah hendaklah ditetapkan oleh Canselor dan semua mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Pendaftar yang hendaklah menjadi Setiausaha Jumaah.

(5) Dua puluh orang ahli adalah mencukupi korum.

Dengan kuasa-kuasa yang diberi kepada beta di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, maka beta perkenankan diperbuat Statut I-Jumaah.

Diluluskan oleh Majlis 8hb Jun 1979.

Ditandatangani oleh Canselor 19hb Ogos 1979.  
[USM. 88/1; PN. (pU<sup>2</sup>)75H.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL.  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P.U (A) 215/79**

**STATUT II  
MAJLIS**

Tarikh mula berkuatkuasa :

1hb Januari 1978

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Kuasa-kuasa Majlis.](#)

**P.U (A) 215/79**  
**STATUT II - MAJLIS**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [P.U.(A) 269/75], Canselor membuat Statut yang berikut:



**P.U (A) 215/79  
STATUT II - MAJLIS**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut II-Majlis** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1978.

**P.U (A) 215/79**  
**STATUT II - MAJLIS**

---

## **Perenggan 2. Kuasa-kuasa Majlis.**

(1) Di samping kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 16 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia[P.U.(A) 269/75], Majlis boleh---

(a) atas perakuan Senat, menubuhkan atau menamatkan Pusat-pusat Pengajian atau Pusat-pusat atau lain-lain bahagian akademik Universiti;

(b) membenarkan atau mengawal pengwujudan dan penamatan jawatan-jawatan akademik, perpustakaan, pentadbiran, teknikal, kesetiausahaan dan semua jawatan lain di Universiti yang perlu untuk perjalanan Universiti dengan baiknya, kecuali jawatan-jawatan yang diwujudkan oleh Statut-statut;

(c) membuat peraturan-peraturan mengenai syarat-syarat perkhidmatan untuk kakitangan Universiti, termasuk skim perkhidmatan, tanggagaji, cuti dan tatatertib;

(d) melantik, menaikkan pangkat dan mengawal tatatertib pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan Universiti;

(e) tertakluk kepada perakuan Senat, menetapkan saraan bagi pemeriksa-pemeriksa luar;

(f) menerima pemindahan milik kesemua atau sebahagian daripada harta, hak, keistimewaan dan tanggungan Universiti;

(g) mengelola, mengurus dan membuat peraturan-peraturan mengenai hal-hal kewangan, akaun, pelaburan, harta, perniagaan dan semua urusan Universiti termasuk Persatuan Mahasiswa Universiti Sains Malaysia dan bagi maksud ini melantik jurubank dan pegawai-pegawai atau ejen-ejen lain yang difikirkannya berfaedah; dan menyebabkan supaya disimpan buku-buku akaun yang sewajarnya bagi semua wang yang diterima dan dibelanjakan oleh Universiti dan bagi aset-aset serta tanggungan-tanggungan Universiti supaya buku-buku tersebut memberi gambaran yang sebenar dan menasabah mengenai keadaan urusan Universiti dan menerangkan transaksinya dengan syarat bahawa sebelum memutuskan apa-apa soal mengenai kewangan yang melibatkan dasar akademik Universiti, Majlis hendaklah menimbangkan perakuan atau laporan oleh Senat;

(h) melabur apa-apa wang kepunyaan atau yang dipegang oleh Universiti dalam apa-apa stok, kumpulan wang, syer atau sekuriti yang dibayar sepenuhnya yang difikirkan wajar oleh Majlis, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atau dengan membeli tanah milikbebas atau pegangpajak termasuk sewaan di Malaysia, dan sekiranya wang dipegang oleh Universiti sebagai pemegang amanah, kuasa-kuasa yang diberi oleh perenggan ini hendaklah dilaksanakan tertakluk kepada undang-undang bertulis berhubung dengan pelaburan oleh pemegang amanah;

(i) menjual, membeli, menukar, memajak dan menerima pajakan harta tanah dan harta diri bagi pihak Universiti;

(j) meminjam wang bagi pihak Universiti dan bagi maksud itu, jika Majlis fikirkan wajar,

menggadaijanji atau mencagar semua atau sebahagian dari harta Universiti sama ada harta tanah atau harta diri, tetapi dengan tidak melanggar syarat-syarat wasiat, suratikatan, pemberian atau lain-lain suratcara seumpama itu dan memberi apa-apa sekuriti lain sama ada ke atas harta tanah atau harta diri atau selainnya sebagaimana difikirkan wajar oleh Majlis;

(k) mengadakan bangunan, premis, alat perabot dan kelengkapan serta alat-alat lain yang dikehendaki untuk menjalankan kerja Universiti dan memelihara kelicinan serta kebajikannya;

(l) membuat peruntukan mengenai skim insurans dan faedah-faedah bekaltua, pencen atau persaraan untuk semua pegawai bergaji dan, jika Majlis fikirkan wajar, untuk lain-lain pekerja Universiti atau tanggungan mereka;

(m) membuat, mengubah, melaksana dan membatalkan kontrak bagi pihak Universiti;

(n) menetapkan, selepas menimbangkan perakuan Senat, semua fee Universiti;

(o) menerima, menolak atau merujuk kembali apa-apa perakuan yang dibuat oleh Senat dengan syarat perakuan tersebut tidak boleh ditolak melainkan Senat dimaklumi secara bertulis tentang sebab-sebab penolakan itu dan diberi kesempatan untuk membuat komen;

(p) memohon laporan-laporan daripada Senat dan, apabila menerima laporan-laporan itu, mengkaji semula semua tugas Universiti;

(q) tertakluk kepada kuasa Senat, mengembangkan lagi kepentingan Universiti, memelihara kelicinannya, membuat peruntukan bagi menggalakkan pengajaran, penuntutan ilmu dan perjalanan penyelidikan dan membuat peruntukan mengenai rekreasi dan kebajikan pelajar serta kakitangan Universiti;

(r) atas perakuan Senat dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh diterima oleh Senat dan Majlis yang dikenakan oleh pengasasnya, mengadakan Fellowship, Studentship, Biasiswa, Pameran, Dermasiswa, Hadiah dan apa-apa pemberian lain untuk menggalakkan pengajian dan penyelidikan;

(s) setelah menimbangkan laporan Jawatankuasa Anugerah Kehormat, membuat perakuan berse sama dengan Senat kepada Canselor untuk menganugerahkan Ijazah-ijazah Kehormat dan kepujian-kepujian lain; dan

(t) memilih suatu Mohor dan Cokmar Universiti dan mempunyai hak sepenuh menyimpan dan menggunakan Mohor itu.

(2) Dalam menjalankan tugas-tugas, fungsi-fungsi dan tanggungjawab-tanggungjawabnya, Majlis boleh mewakilkan mana-mana daripada tugas-tugas, fungsi-fungsi dan tanggungjawab-tanggungjawabnya kepada ahli-ahlinya atau kepada sesuatu Jawatankuasa terdiri daripada ahli-ahlinya dan kepada orang-orang lain yang diluluskan oleh Majlis.

(3) Seseorang ahli Majlis yang dipilih atau dilantik boleh meletakkan jawatan dengan memberi notis bertulis kepada Pendaftar.

(4) Jika berlaku kekosongan biasa di kalangan ahli-ahli Majlis yang dipilih atau dilantik oleh kerana kematian, hilang kelayakan, ketidakupayaan atau perletakan jawatan, kekosongan itu hendaklah diisi oleh orang yang sesuai, dan orang yang dipilih atau dilantik untuk mengisi kekosongan itu hendaklah memegang jawatan selama baki tempoh jawatan orang yang digantikannya itu.

(5) Tertakluk kepada Peraturan-peraturan, tarikh-tarikh dan tempat-tempat mesyuarat Majlis hendaklah

ditetapkan oleh Pengerusi dan semua mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Pendaftar yang hendaklah menjadi Setiausaha Majlis.

(6) Enam orang ahli Majlis adalah mencukupi korum.

Dengan kuasa-kuasa yang diberi kepada beta di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia maka Beta perkenankan diperbuat Statut II-Majlis.

Diluluskan oleh Majlis: 8hb Jun 1979.

Ditandatangani oleh Canselor: 19hb Ogos 1979.  
[USM. 88/1; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P.U (A) 216/79**

**STATUT III  
SENAT**

Tarikh mula berkuatkuasa :

1hb Januari 1978

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Senat](#)

**P.U (A) 216/79**  
**STATUT III - SENAT**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [P.U.(A) 269/75], Canselor membuat Statut yang berikut:

**P.U (A) 216/79  
STATUT III - SENAT**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut III-Senat** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1978.

**P.U (A) 216/79**  
**STATUT III - SENAT**

---

## **Perenggan 2. Senat**

(1) Di samping orang-orang yang dilantik di bawah perenggan-perenggan (a) hingga (d) seksyen-kecil (1) seksyen 17 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia[P.U.(A) 269/75], Senat hendaklah terdiri daripada---

(a) seorang ahli dari tiap-tiap Pusat Pengajian atau Pusat yang dipilih oleh ahli-ahli Lembaga Pusat Pengajian atau Pusat dari antara mereka;

(b) Ketua Pustakawan;

(c) Bendahari; dan

(d) lain-lain kakitangan akademik penuh-masa Universiti tidak lebih dari sepuluh orang yang dilantik oleh Canselor atas perakuan Naib Canselor.

(2) Di samping kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-kecil (2) seksyen 17 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Senat boleh---

(a) menetapkan keperluan-keperluan Universiti untuk pendaftaran pelajar-pelajar dan menentukan syarat-syarat yang membolehkan seseorang diterima masuk ke Universiti dan ke sesuatu skim, pengajian atau penyelidikan tertentu dan menentukan syarat-syarat yang membolehkan pelajar-pelajar dibenarkan menyambung pengajian di Universiti;

(b) memajukan kerja-kerja akademik Universiti dalam bidang pengajaran dan penyelidikan, dan membuat peraturan-peraturan mengenai dan mengawas pendidikan pelajar-pelajar berdaftar Universiti;

(c) memberi arahan, membuat peraturan-peraturan mengenai dan mengawal semua pengajaran, skim pengajian dan peperiksaan Universiti dan syarat-syarat yang melayakkan penganugerahan atau pemberian pelbagai gelaran, ijazah dan lain-lain kepujian oleh Universiti;

(d) memeriksa kerja-kerja penyelidikan, pengajaran, kedudukan kakitangan dan kerja-kerja am sesuatu pusat pengajian Pusat atau lain-lain bahagian akademik Universiti, dan jika Senat berkehendakkan sedemikian, melaporkan dan membuat perakuan mengenainya kepada Majlis;

(e) melantik pemeriksa-pemeriksa luar dan dalam dan menentukan syarat-syarat perlantikan dan perkhidmatan pemeriksa-pemeriksa tersebut dan membuat perakuan kepada Majlis tentang bayaran saraan kepada pemeriksa-pemeriksa luar;

(f) menentukan syarat-syarat dan setakat mana tempoh-tempoh dan kursus-kursus pengajian dan peperiksaan yang telah dilulusi di universiti-universiti, tempat-tempat belajar dan institusi-institusi lain boleh dianggap sebagai bersamaan dengan tempoh-tempoh dan kursus-kursus pengajian dan peperiksaan di Universiti;

(g) tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh diterima oleh Senat yang dikenakan oleh pengasasnya, membuat perakuan kepada Majlis supaya diadakan Fellowship, Studentship, Basiswa, Pameran, Dermasiswa, Pingat, Hadiah dan apa-apa pemberian lain untuk menggalakkan pengajian dan penyelidikan, dan menentukan masa, cara-cara serta syarat-syarat perakuan dan menganugerahkan pemberian itu;



(h) mengadakan ijazah-ijazah, Diploma-diploma, Sijil-sijil dan lain-lain kepujian baru dan membuat atau meminda Peraturan-peraturan untuk skim-skim pengajian dan peperiksaan yang membawa kepada kelayakan-kelayakan tersebut;

(i) menganugerahkan Ijazah-ijazah dan lain-lain kepujian kepada orang-orang difikirkan berhak mendapat anugerah-anugerah tersebut mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Statut-statut, Akta-akta dan Peraturan-peraturan;

(j) setelah menimbangkan laporan Jawatankuasa Anugerah Kehormat, membuat perakuan bersesama dengan Majlis kepada Canselor untuk menganugerahkan Ijazah Kehormat dan lain-lain kepujian;

(k) menganugerahkan pangkat Profesor Emeritus atau apa-apa pangkat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Senat;

(l) memperakukan kepada Majlis apa-apa cadangan untuk melucutkan daripada seseorang apa-apa Ijazah atau lain-lain kepujian atau lain-lain pangkat yang telah diberi kepadanya, dan membatalkan apa-apa Diploma atau Sijil yang diberi kepadanya oleh Universiti, dan menarik balik semua keistimewaan yang berhubungan dengannya;

(m) membentuk, mengubahsuai atau menyemak semula skim-skim bagi pengelolaan Pusat-pusat Pengajian dan Pusat-pusat atau lain-lain bahagian akademik Universiti, dan mengulangkaji dan semasa ke semasa perjalanan skim-skim tersebut;

(n) membuat perakuan kepada Majlis supaya mengadakan atau memberhentikan Pusat-pusat Pengajian atau Pusat-pusat atau lain-lain bahagian akademik Universiti;

(o) menyelia kerja luar Universiti, dan tujuan am perpustakaan, muzium, galeri lukisan dan lain-lain kemudahan pengajaran dan penyelidikan Universiti;

(p) menerima rekod-rekod dan laporan-laporan mengenai perjalanan mana-mana Jawatankuasa atau Lembaga-lembaga Pusat Pengajian atau Pusat dan memberi arahan kepada dan menimbangkan perakuan-perakuan daripada Jawatankuasa-jawatankuasa itu atau Lembaga-lembaga Pusat Pengajian atau Pusat tersebut;

(q) mengulangkaji, meminda, merujuk kembali atau membatalkan apa-apa perbuatan Lembaga, Jawatankuasa, atau badan yang dilantik bagi Pusat Pengajian atau Pusat, atau lain-lain bahagian akademik Universiti;

(r) melaporkan dan membuat perakuan kepada Majlis dari semasa ke semasa mengenai Statut;

(s) melaporkan kepada Majlis mengenai apa-apa perkara yang dirujuk oleh Majlis kepada Senat;

(t) membincangkan dengan, memberi buah fikiran dan membuat perakuan kepada, Majlis mengenai apa-apa perkara berkepentingan dalam lingkungan bidangkuasanya;

(u) memilih ahli-ahli Senat untuk menjadi ahli-ahli Majlis di bawah perenggan (g) seksyen-kecil (1) seksyen 15 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia; dan

(v) pada amnya menjalankan semua kuasa yang diberi kepada Senat oleh Perlembagaan, Statut-statut dan Akta-akta.

(3) Seseorang ahli Senat selain dari Ketua Pustakawan dan Bendahari boleh meletakkan jawatannya dengan memberi notis bertulis kepada Pendaftar.

(4) Seseorang ahli Senat selain dari Ketua Pustakawan dan Bendahari hendaklah terus menjadi ahli Senat selagi ia menjadi guru penuhmasa tetapi bukannya sebagai Profesor Universiti, Dekan Pusat Pengajian atau Pengarah Pusat.

(5) Apabila berlaku kekosongan biasa di bawah perenggan (3) atau oleh kerana kematian, hilang kelayakan, ketidakupayaan atau perletakan jawatan seseorang ahli, kekosongan itu hendaklah diisi dan orang yang dipilih atau dilantik untuk mengisi kekosongan itu hendaklah terus menjadi ahli selama baki tempoh jawatan orang yang digantikannya itu.

(6) Tatacara bagi pemilihan ahli-ahli hendaklah ditetapkan melalui Peraturan-peraturan yang dibuat oleh Senat.

(7) Tertakluk kepada apa-apa Peraturan-peraturan yang boleh dibuat oleh Senat, Naib Canselor hendaklah menentukan tarikh-tarikh, tempat-tempat, dan perkara-perkara untuk mesyuarat Senat dan mesyuarat-mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Pendaftar yang hendaklah menjadi Setiausaha Senat.

(8) Korum mesyuarat ialah sekurang-kurangnya setengah daripada jumlah penuh ahli-ahli Senat tidak termasuk ahli-ahli yang sedang menjalani cuti belajar atau cuti tanpa hadir yang rasmi.

(9) Seseorang Timbalan Pengerusi Senat hendaklah dilantik oleh Naib Canselor dari antara ahli-ahli Senat, dan jika Naib Canselor tidak dapat menghadiri sesuatu mesyuarat, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu dan jika Timbalan Pengerusi juga tidak dapat hadir, Senat hendaklah memilih seorang Pengerusi dari antara ahli-ahli yang hadir sebagai pengerusi mesyuarat itu.

Dengan kuasa-kuasa yang diberi kepada beta di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, maka beta perkenankan diperbuat Statut III-Senat.

Diluluskan oleh Majlis 8hb Jun 1979.

Ditandatangani oleh Canselor 19hb Ogos 1979.  
[USM. 88/1; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H.]

D.Y.M.M.TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P.U.(A) 217/79**

**STATUT IV**  
**PUSAT-PUSAT PENGAJIAN**  
*Mengandungi pindaan terkini - P.U.(A) 251/81*

Tarikh mula berkuatkuasa :

1hb Januari 1979

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)  
[Perenggan 2. Penubuhan Pusat-pusat pengajian](#)

[SENARAI PINDAAN](#)

**P.U (A) 217/79**  
**STATUT IV- PUSAT-PUSAT PENGAJIAN**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [P.U.(A) 269/75], Canselor membuat Statut yang berikut:

**P.U (A) 217/79**  
**STATUT IV- PUSAT-PUSAT PENGAJIAN**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut III-Pusat-pusat Pengajian** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1978.

**P.U (A) 217/79**  
**STATUT IV- PUSAT-PUSAT PENGAJIAN**

---

**Perenggan 2. Penubuhan Pusat-pusat pengajian**

(1) Maka hendaklah ditubuhkan dalam Universiti Sains Malaysia, Pusat-pusat Pengajian yang berikut :

- (a) Pusat Pengajian Sains Farmasi;
- (b) Pusat Pengajian Sains Fizik;
- (c) Pusat Pengajian Sains Gunaan;
- (d) Pusat Pengajian Sains Kajihayat;
- (e) Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan;
- (f) Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan;
- (g) Pusat Pengajian Sains Kimia;
- (h) Pusat Pengajian Sains Matematik;
- (i) Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan;
- (j) Pusat Pengajian Sains Perubatan;
- (k) Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan;
- (l) Pusat-pusat Pengajian lain sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis atas perakuan Senat dari semasa ke semasa.

*[Gan. P.U.(A) 251/81]*

(2) Tiap-tiap Pusat Pengajian hendaklah mempunyai suatu Lembaga yang terdiri dari :

- (a) Dekan Pusat Pengajian sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan Dekan;
- (c) professor-professor Pusat Pengajian; dan
- (d) guru-guru penuhmasa Pusat Pengajian dan atau Universiti sebagaimana yang dilantik oleh Naib Canselor.

(3) Lembaga bagi tiap-tiap Pusat Pengajian hendaklah bertanggungjawab kepada Senat dan, di samping tugas-tugas di bawah seksyen-kecil (2) seksyen 18 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, boleh--

(a) menasihati dan melaporkan kepada Senat semua perkara berkaitan dengan pengelolaan pendidikan, pengajaran dan penyelidikan di dalam bidang-bidang pengajian yang termasuk di bawah bidang kuasa Pusat Pengajian, termasuk kurikulum dan peperiksaan;

(b) menimbang kemajuan dan kelakuan pelajar-pelajar di Pusat Pengajian dan melaporkannya kepada Senat;

(c) memperakukan kepada Senat perlantikan pemeriksa-pemeriksa;

(d) menguruskan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Senat; dan

(e) menjalankan apa-apa tugas lain yang diberi kepadanya melalui Statut, Akta atau Peraturan atau sebagaimana yang diwakilkan kepadanya oleh Naib Canselor.

(4) Dekan hendaklah menentukan tarikh-tarikh, tempat-tempat dan masa-masa untuk mesyuarat Lembaga Pusat Pengajian, dengan syarat Lembaga hendaklah bermesyuarat tidak kurang dari sekali dalam satu penggal akademik dan semua mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Pendaftar, atau timbalannya, yang hendaklah menjadi Setiausaha kepada Lembaga Pusat Pengajian.

(5) Korum mesyuarat ialah tidak kurang dari satu pertiga dari ahli-ahli Lembaga Pusat Pengajian.

Dengan kuasa-kuasa yang diberi kepada beta di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia maka beta perkenankan diperbuat Statut IV--Pusat-pusat Pengajian.

Diluluskan oleh Majlis 8hb Jun 1979.

Ditandatangani oleh Canselor 19hb Ogos 1979.  
[USM 88/1; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*

**P.U (A) 217/79**  
**STATUT IV- PUSAT-PUSAT PENGAJIAN**

---

**SENARAI PINDAAN**

*Undang-undang yang  
meminda*

*Tajuk ringkas*

*Berkuat kuasa dari*

[P.U \(A\) 251/81](#)

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 -  
Perlembagaan Universiti Sains Malaysia  
Statut IV-Pusat-pusat Pengajian (Pindaan) 1981

22hb Mac 1979





AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P. U. (A) 218/79**

**STATUT V  
PUSAT-PUSAT**

*Mengandungi pindaan terkini - P.U.(A) 60/80*

Tarikh mula berkuatkuasa :

1hb Januari 1979

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Penubuhan Pusat-pusat](#)

[SENARAI PINDAAN](#)

**P. U. (A) 218/79  
STATUT V - PUSAT-PUSAT**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [P.U.(A) 269/75], Canselor membuat Statut yang berikut:

**P. U. (A) 218/79**  
**STATUT V - PUSAT-PUSAT**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut V-Pusat-pusat** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1979.

**P. U. (A) 218/79**  
**STATUT V - PUSAT-PUSAT**

---

**Perenggan 2. Penubuhan Pusat-pusat**

(1) Maka hendaklah ditubuhkan di Universiti Sains Malaysia:

- (a) Pusat Penyelidikan Dasar; dan
- (b) Pusat-pusat lain yang diluluskan oleh Majlis atas perakuan Senat dari semasa ke semasa.

(2) Tiap-tiap Pusat hendaklah mempunyai suatu Lembaga yang terdiri dari:

- (a) Pengarah Pusat, sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan Pengarah;
- (c) profesor-profesor atau profesor-profesor fellow Pusat; dan
- (d) kakitangan penuhmasa Pusat dan atau Universiti sebagaimana yang dilantik oleh Naib Canselor.

*[Gan. P.U.(A)60/80]*

(3) Lembaga bagi tiap-tiap Pusat hendaklah bertanggungjawab kepada Senat dan, di samping tugas-tugas di bawah seksyen-kecil (2) seksyen 18 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, boleh:

- (a) menasihati dan melaporkan kepada Senat semua perkara berkaitan dengan tugas-tugas tertentu yang baginya Pusat itu ditubuhkan;
- (b) menguruskan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Senat; dan

(c) menjalankan apa-apa tugas lain yang diberi atau diwakilkan kepadanya oleh Naib Canselor.

(4) Pengarah hendaklah menentukan tarikh-tarikh, tempat-tempat dan masa-masa untuk mesyuarat Lembaga Pusat, dengan syarat Lembaga hendaklah bermesyuarat tidak kurang dari sekali dalam satu penggal akademik dan semua mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Pendaftar, atau timbalannya, yang hendaklah menjadi Setiausaha kepada Lembaga Pusat.

(5) Korum mesyuarat ialah tidak kurang dari satu pertiga dari ahli-ahli Lembaga Pusat.

Dengan kuasa-kuasa yang diberi kepada beta di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, maka beta perkenankan diperbuat Statut V -Pusat-pusat. Diluluskan oleh Majlis 8hb Jun 1979.

Ditandatangani oleh Canselor 19hb Ogos 1979.  
[USM 88/1; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
Canselor,  
Universiti Sains Malaysia

---

Copyright © 2005 PNMB-LawNet. All rights reserved.

**P. U. (A) 218/79**  
**STATUT V - PUSAT-PUSAT**

---

**SENARAI PINDAAN**

*Undang-undang yang  
meminda*

*Tajuk ringkas*

*Berkuat kuasa dari*

[P.U \(A\) 60/80](#)

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 -  
Perlembagaan Universiti Sains Malaysia  
Statut V - Pusat-pusat (Pindaan) 1980

1hb Januari 1979



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P. U. (A) 219/79**

**STATUT VI  
LEMBAGA PENGAJIAN**

Tarikh mula berkuatkuasa :

1hb Januari 1979

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Lembaga Pengajian.](#)

**P. U. (A) 219/79**  
**STATUT VI - LEMBAGA PENGAJIAN**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [P.U(A) 269/75], Canselor membuat Statut yang berikut:



**P. U. (A) 219/79**  
**STATUT VI - LEMBAGA PENGAJIAN**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut VI - Lembaga Pengajian** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1979.

**P. U. (A) 219/79**  
**STATUT VI - LEMBAGA PENGAJIAN**

---

**Perenggan 2. Lembaga Pengajian.**

(1) Lembaga Pengajian yang dilantik di bawah perenggan (a) seksyen 19 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia hendaklah terdiri daripada--

(a) Naib Canselor;

(b) Timbalan Naib Canselor (Halehwal Akademik);

(c) Dekan Pusat Pengajian atau Dekan-dekan Pusat-pusat Pengajian atau Pengarah sesuatu Pusat atau Pengarah-pengarah Pusat-pusat yang berkenaan;

(d) guru-guru di Pusat Pengajian atau Pusat-pusat Pengajian, atau di Pusat atau Pusat-pusat yang terlibat, sebagaimana yang dilantik oleh Senat; dan

(e) orang-orang lain sebagaimana yang dilantik oleh Senat.

(2) Naib Canselor, atau seseorang ahli Lembaga Pengajian yang dilantik oleh Senat, hendaklah menjadi Pengerusi.

(3) Lembaga Pengajian yang dilantik di bawah perenggan (b) seksyen 19 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia hendaklah terdiri daripada Naib Canselor sebagai Pengerusi, Timbalan Naib Canselor (Halehwal Akademik) dan orang-orang lain sebagaimana yang dilantik untuk menganggotai Lembaga Pengajian oleh Senat.

(4) Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha kepada Lembaga Pengajian.

(5) Lembaga Pengajian hendaklah melaporkan keputusan-keputusannya kepada Senat.

Dengan kuasa-kuasa yang diberi kepada beta di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, maka beta perkenankan diperbuat Statut VI-Lembaga Pengajian.

Diluluskan oleh Majlis 8hb Jun 1979.

Ditandatangani oleh Canselor 19hb Ogos 1979.  
[USM 88/1; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*





AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P. U. (A) 220/79**

**STATUT VII**  
**IJAZAH DAN DIPLOMA**  
*Mengandungi pindaan terkini - P.U. (A)283/91*

Tarikh mula berkuatkuasa :

4hb Oktober 1971

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Ijazah](#)

[SENARAI PINDAAN](#)

**P. U. (A) 220/79**  
**STATUT VII - IJAZAH DAN DIPLOMA**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [P.U(A) 269/75], Canselor membuat Statut yang berikut:

**P. U. (A) 220/79**  
**STATUT VII - IJAZAH DAN DIPLOMA**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut VII - Ijazah dan Diploma** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 4hb Oktober 1971.

**P. U. (A) 220/79**  
**STATUT VII - IJAZAH DAN DIPLOMA**

---

## **Perenggan 2. Ijazah**

(1) Universiti boleh menganugerahkan ijazah---

- (a) Sarjana Muda Sastera (B.A.);
- (b) Sarjana Muda Sastera dengan Pendidikan [B.A. (Ed.)];
- (c) Sarjana Muda Sastera (Pendidikan) (B.A. (Ed.));
- (d) Sarjana Muda Sains Gunaan (B. App. Sc.);
- (e) Sarjana Muda Farmasi (B.Pharm);
- (f) Sarjana Muda Sains (B. Sc.);
- (g) Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan (B.Sc. (Ed.));
- (h) Sarjana Muda Sains (Pendidikan)(B. Sc. (Ed.));
- (i) Sarjana Muda Sains (Perumahan, Bangunan dan Perancangan)(B. Sc. (H.B.P.));
- (j) Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (B.Soc.Sc);
- (k) Sarjana Muda Kejuruteraan (B. Eng.);
- (l) Sarjana Muda Komunikasi (B.Comn);
- (m) Sarjana Muda Pendidikan (B. Ed.);
- (n) Sarjana Muda Pengurusan (B. Mgt);
- (o) Sarjana Muda Sains Komputer (B. Com. Sc.);
- (p) Sarjana Muda Senibina (B. Arch.);
- (q) Sarjana Muda Teknologi (B. Tech.);
- (r) Sarjana Perubatan (Penyakit Dalam) (M. Med. (Int. Med.));
- (s) Sarjana Sastera (M.A);
- (t) Sarjana Pendidikan (M. Ed.);
- (u) Sarjana Sains (M. Sc.);

- (v) Sarjana Sains Kemasyarakatan (M. Soc. Sc.);
- (w) Sarjana Sains (Perancangan) (M. Sc. (Planning));
- (x) Doktor Perubatan (M.D.);
- (y) Doktor Falsafah (Ph. D);
- (z) Doktor Sains (D. Sc.);

*(Gan. P.U. (A)252/81;Pin. P.U. (A) 283/91)*

(2) Universiti boleh menganugerahkan ijazah kehormat-

- (a) Sarjana Sains (Hon. M. Sc.);
- (b) Sarjana Sastera (Hon. M.A.);
- (c) Sarjana pendidikan (Hon. M. Ed.);
- (d) Sarjana Persuratan (Hon. M. Litt.);
- (e) Sarjana Ekonomi (Hon. M. Econ.);
- (f) Doktor Ekonomi (Hon. D. Econ.);
- (g) Doktor Falsafah (Hon. D. Phil.);
- (h) Doktor Kejuruteraan (Hon. D. Eng.);
- (i) Doktor Pendidikan (Hon. D. Ed.);
- (j) Doktor Persuratan (Hon. D. Litt.);
- (k) Doktor Sains (Hon. D. Sc.);
- (l) Doktor Sains Perubatan (Hon. D. Med. Sc.);
- (m) Doktor Undang-Undang (Hon. LL. D.).

*(Pin. P.U. (A) 283/91)*

(3) Universiti boleh menganugerahkan Diploma--

- (a) Pendidikan;
- (b) Pentadbiran Rekod Perubatan;



(c) Teknologi Makmal;

(d) Teknologi Makmal Perubatan.

*(Gan. P.U. (A) 283/91)*

(4) Universiti boleh menganugerahkan sijil--

(a) Seni Kreatif;

(b) Komunikasi Massa;

(c) Teknologi Pendidikan.

*(Gan. P.U. (A) 283/91)*

Dengan kuasa-kuasa yang diberi kepada beta di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, maka beta perkenankan diperbuat Statut VII-ljazah dan Diploma.

Diluluskan oleh Majlis 8hb Jun 1979.

Ditandatangani oleh Canselor 19hb Ogos 1979.  
[USM 88/1; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*

**P. U. (A) 220/79**  
**STATUT VII - IJAZAH DAN DIPLOMA**

---

**SENARAI PINDAAN**

<i>Undang-undang yang meminda</i>	<i>Tajuk ringkas</i>	<i>Berkuat kuasa dari</i>
<a href="#">P.U (A) 252/81</a>	Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 - Perlembagaan Universiti Sains Malaysia Statut VII - Ijazah dan Diploma (Pindaan) 1981	1hb Jun 1981
<a href="#">P.U (A) 283/91</a>	Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 - Perlembagaan Universiti Sains Malaysia Statut XXXV - Ijazah dan Diploma (Pindaan) 1991	1hb April 1987



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P. U. (A) 221/79**

**STATUT VIII**

**PAKAIAN RASMI DAN AKADEMIK**

*Mengandungi pindaan terkini - P.U.(A) 282/91*

Tarikh mula berkuatkuasa :

4hb Oktober 1971

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Pakaian rasmi dan akademik](#)

[JADUAL](#)

[SENARAI PINDAAN](#)

**P. U. (A) 221/79**  
**STATUT VIII - PAKAIAN RASMI DAN AKADEMIK**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia[P.U.(A) 269/75], Canselor membuat Statut yang berikut:

**P. U. (A) 221/79**  
**STATUT VIII - PAKAIAN RASMI DAN AKADEMIK**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut VIII - Pakaian Rasmi dan Akademik** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 4hb Oktober 1971.

**P. U. (A) 221/79**  
**STATUT VIII - PAKAIAN RASMI DAN AKADEMIK**

---

**Perenggan 2. Pakaian rasmi dan akademik**

Pakaian rasmi dan akademik Canselor, pegawai-pegawai, siswazah-siswazah dan pelajar-pelajar Universiti hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Bahagian I dan Bahagian II Jadual.

**P. U. (A) 221/79**  
**STATUT VIII - PAKAIAN RASMI DAN AKADEMIK**

---

**JADUAL**

JADUAL

BAHAGIAN I

PAKAIAN RASMI

*CANSELOR*

Jubah sutera Damsyik berwarna ungu yang berbentuk tradisional, bertekak di lapisan luar dan di selubung bahunya dengan kain songket biru tenunan emas selebar tiga inci, ditambah dengan jalur renda daun oak emas selebar satu inci di luar lapisan luar dan di sekeliling selubung bahu serta dihias dengan renda daun oak emas pada lengan dan belah belakangnya.

Pakaian kepala ialah motor berbentuk empat persegi daripada kain baldu berwarna ungu, bertekak dengan renda emas, serta butang emas dan rumbai.

*PRO-CANSELOR*

Jubah sutera Damsyik berwarna ungu jenis yang sama seperti jubah yang digunakan oleh Canselor, tetapi bertekak di lapisan luar dan di selubung bahunya dengan kain songket biru tenunan perak selebar tiga inci dan renda perak menggantikan renda emas.

Pakaian kepala ialah mortar berbentuk empat persegi daripada kain baldu berwarna ungu, serupa dengan yang dipakai oleh Canselor bertekak dengan renda perak serta butang perak dan rumbai.

*NAIB CANSELOR*

Jubah sutera Damsyik berwarna ungu jenis yang sama seperti jubah yang digunakan oleh Canselor, tetapi tanpa renda di lapisan luar dan di selubung bahunya.

Pakaian kepala ialah mortar berbentuk empat persegi daripada kain baldu berwarna ungu serupa dengan yang dipakai oleh Canselor, tetapi bertekak dengan emas serta butang dan rumbai berwarna ungu.

*TIMBALAN CANSELOR*

Jubah sutera Damsyik berwarna ungu jenis yang sama seperti jubah yang digunakan oleh Naib Canselor, bertekak di lapisan luar hanya dengan kain songket berwarna biru tenunan perak selebar dua inci, serta suku inci kain tenunan perak di luar pinggir lapisan luar dan selubung bahunya.

Pakaian kepala ialah mortar berbentuk empat persegi daripada kain baldu berwarna ungu dengan butang berjalurkan perak dan rumbai berwarna ungu.

*PENGERUSI MAJLIS*

Jubah sutera Damsyik berwarna ungu jenis yang sama seperti yang digunakan oleh Naib Canselor,

bertekak di lapisan luar dan di selubung bahunya dengan kain songket biru tenunan emas selebar dua inci, ditambah dengan renda daun oak emas selebar satu inci di luar lapisan luar, di lengan dan di belah belakangnya.

Pakaian kepala ialah mortar berbentuk empat persegi daripada baldi berwarna ungu, serupa dengan yang dipakai oleh Naib Canselor, bertekak dengan renda emas dan butang emas dan rumbai.

#### *AHLI MAJLIS*

Jubah sutera Ottoman berwarna ungu, yang bentuknya serupa dengan bentuk jubah Pegawai-pegawai Kanan, bertekak dengan sutera Damasyik berwarna ungu di lapisan luar dan di selubung bahunya.

Pakaian kepala ialah mortar berbentuk empat persegi daripada baldi berwarna ungu serta butang berjalur emas dan rumbai berwarna ungu.

#### *DEKAN ATAU PENGARAH PUSAT PENGAJIAN ATAU PUSAT*

Jubah sutera Ottoman berwarna ungu yang bentuknya serupa dengan bentuk jubah ahli-ahli Majlis, bertekak dengan baldi berwarna merah tua di lapisan luar dan di selubung bahunya.

Pakaian kepala ialah mortar berbentuk empat persegi daripada baldi berwarna hitam serta butang hitam dan rumbai.

#### *PENDAFTAR*

Jubah sutera Ottoman berwarna ungu, yang bentuknya serupa dengan jubah Dekan atau Pengarah, bertekak dengan baldi berwarna ungu di lapisan luar di selubung bahunya.

Pakaian kepala ialah mortar berbentuk empat persegi daripada baldi hitam serta butang hitam dan rumbai.

#### *BENDAHARI*

Jubah sutera Ottoman berwarna ungu, yang bentuknya serupa dengan jubah Pendaftar, bertekak dengan baldi biru tua di lapisan luar dan di selubung bahunya.

Pakaian kepala ialah mortar berbentuk empat persegi daripada baldi hitam serta dengan butang hitam dan rumbai.

#### *KETUA PUSTAKAWAN*

Jubah sutera Ottoman berwarna ungu, yang bentuknya serupa dengan jubah Bendahari, bertekak dengan baldi hitam di lapisan luar dan di selubung bahunya.

Pakaian kepala ialah mortar berbentuk empat persegi daripada baldi hitam serta butang hitam dan rumbai.

#### *BAHAGIAN II*

#### *PAKAIAN AKADEMIK*

#### *WARNA IJAZAH*



Farmasi	Ungu Lembut
Kejuruteraan	Hijau Tua
Komunikasi	Biru Lembut
Pendidikan	Putih
Pengurusan	Perak
Perubatan	Merah Lembayung
Sains	Kuning Padi
Sains Dengan Pendidikan	Ungu Pucat
Sains Gunaan	Hijau Muda Bertepikan Jalur Emas
Sains Kemasyarakatan	Jingga
Sains Komputer	Coklat
Sains (Perumahan, Bangunan dan Perancangan)	Merah Popi
Sastera	Merah Muda
Sastera Dengan Pendidikan	Ungu Pucat
Seni Bina	Kuning
Teknologi	Hijau Pucuk Pisang

[Gan. P.U. (A) 282/91]

### JUBAH

(1) Doktor (selain daripada Doktor Falsafah dan Doktor Perubatan), dan Doktor Kehormat (*honoris causa*), ketika berpakaian lengkap adalah berhak memakai jubah berwarna ungu Panama, berbentuk tradisional, dengan lengan selubung bahunya panjang dan tirus di bahagian bawah serta mukanya daripada sutera Damsyik berwarna ungu. Jubah ini hendaklah dipakai hingga ke buku lali.

(2) Doktor Falsafah ketika berpakaian lengkap adalah berhak memakai jubah berwarna ungu Panama yang bentuknya serupa dengan jubah Doktor serta setengah lapisan luarnya diperbuat daripada kain sutera Damsyik berwarna ungu. Jubah ini dipakai hingga ke buku lali.

(3) Semua Sarjana adalah berhak memakai jubah daripada kain Russel Cord berwarna ungu yang bentuknya serupa dengan jubah Doktor, tetapi dengan lapisan luarnya diperbuat daripada kain yang tak berbunga dan bahagian bawah lengan bajunya dipotong. Jubah ini hendaklah dipakai hampir ke buku lali.

(4) Semua Sarjana Muda adalah memakai jubah daripada kain Russel Cord berwarna ungu yang bentuknya serupa dengan jubah Sarjana, tetapi bahagian bawah lengan bajunya berbentuk empat persegi dan lebih pendek. Jubah ini dipakai hingga ke paras betis.

(5) Semua pelajar adalah berhak memakai jubah daripada kain Russel Cord berwarna ungu yang bentuknya serupa dengan jubah Sarjana Muda, tetapi lengan selubung bahunya berbentuk bulat.

#### *HUD*

(1) Doktor (selain daripada Doktor Falsafah dan Doktor Perubatan) dan Doktor Kehormat, berhak memakai hud berwarna ungu Penama berbentuk lengkap, bergaris sepenuhnya dan bertepi satu inci, dengan Warna Ijazah.

*[Gan. P.U. (A) 282/91]*

(2) Doktor Falsafah adalah berhak memakai hud berwarna ungu Panama yang sepenuhnya bergaris dan bertepi satu inci dengan kain sutera Damsyik berwarna ungu, dan bentuknya serupa dengan bentuk hud Doktor.

(3) Semua Sarjana adalah berhak memakai hud Russel Cord berwarna ungu, yang sepenuhnya bergaris dengan sutera yang mempunyai warna ijazah dan bentuknya serupa dengan bentuk hud Doktor Falsafah.

(4) Semua Sarjana Muda dan Doktor Perubatan berhak memakai hud Russel Cord berwarna ungu, berbentuk biasa dan berlapis bahagian atas dalam hud itu dengan sutera selebar empat inci yang warnanya serupa dengan warna ijazah.

*[Gan. P.U. (A) 282/91]*

#### *PAKAIAN KEPALA*

(1) Semua Doktor (selain daripada Doktor Falsafah dan Doktor Perubatan) dan Doktor Kehormat, ketika berpakaian lengkap, hendaklah memakai bonet baldu berwarna ungu dengan tali rumbai yang warnanya serupa dengan Warna Ijazah.

*[Gan. P.U. (A) 282/91]*

(2) Semua Doktor Falsafah, ketika berpakaian lengkap hendaklah memakai bonet kain berwarna ungu, dengan tali berwarna ungu dan rumbai.

(3) Semua pelajar, Sarjana Muda Doktor Perubatan dan Sarjana ketika berpakaian lengkap hendaklah memakai mortar berbentuk empat persegi berwarna ungu dengan butang hitam dan rumbai.

*[Gan. P.U. (A) 282/91]*

Dengan kuasa-kuasa yang diberi kepada beta di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, maka beta perkenankan diperbuat Statut VIII-Pakaian Rasmi dan Akademik.

Diluluskan oleh Majlis 8hb Jun 1979.

Ditandatangani oleh Canselor 19hb Ogos 1979.  
[USM 88/1; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*

**P. U. (A) 221/79**  
**STATUT VIII - PAKAIAN RASMI DAN AKADEMIK**

---

**SENARAI PINDAAN**

<i>Undang-undang yang meminda</i>	<i>Tajuk ringkas</i>	<i>Berkuat kuasa dari</i>
<a href="#">P.U (A) 282/91</a>	Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 - Perlembagaan Universiti Sains Malaysia Statut XXXIV - Pakaian Rasmi dan Akademik (Pindaan) 1991	1hb April 1987



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P. U. (A) 222/79**

**STATUT IX  
LAMBANG DAN WARNA-WARNA**

Tarikh mula berkuatkuasa :

4hb Oktober 1971

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Lambang dan Warna-warna](#)

[JADUAL](#)

**P. U. (A) 222/79**  
**STATUT IX - LAMBANG DAN WARNA-WARNA**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [P.U(A) 269/75], Canselor membuat Statut yang berikut:

**P. U. (A) 222/79**  
**STATUT IX - LAMBANG DAN WARNA-WARNA**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut IX - Lambang dan Warna-warna** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 4hb Oktober 1971.

**P. U. (A) 222/79**  
**STATUT IX - LAMBANG DAN WARNA-WARNA**

---

**Perenggan 2. Lambang dan Warna-warna**

Lambang dan Warna-warna Universiti adalah seperti yang ditetapkan dalam Bahagian I dan Bahagian II Jadual.



**P. U. (A) 222/79**  
**STATUT IX - LAMBANG DAN WARNA-WARNA**

---

**JADUAL**

JADUAL  
BAHAGIAN I

LAMBANG

1. Lambang adalah terdiri dari perisai, Pendukung-pendukung, Lencana dan Cogankata.

PERISAI	Warna ungu di hadapan dua bilah Keris Melayu yang bersilang dengan hujungnya menghala ke atas, bermatakan perak dan berhulukan emas, sebuah Buku terbuka dengan sempurna dan tepinya berwarna emas dan di bawahnya sekuntum Bunga Raya yang benangсарinya berwarna emas.  Seluruhnya terletak di bawah sebuah bintang pecahan empatbelas dan di antara tanduk Bulan Sabit berwarna emas.
PENDUKUNG- PENDUKUNG	Di tiap-tiap sebelah, seekor harimau Tanah Melayu, tiap-tiap seekor memegang dengan kaki hadapannya sepelepah Daun berwarna hijau bertitiskan emas.
LENCANA	Di hadapan dua bilah Keris Melayu yang bersilang, dengan hujungnya menghala ke atas dan bermatakan perak serta berhulukan emas, sebuah Buku terbuka bertepikan emas dan berbalut ungu.
COGANKATA	KAMI MEMIMPIN.

2. Satu Salinan lambang yang diluluskan oleh Majlis hendaklah disimpan dan dijaga oleh Pendaftar.

3. Lambang Universiti hendaklah digunakan, dipamerkan mengikut cara dan syarat-syarat yang diluluskan oleh Majlis.

BAHAGIAN II

WARNA

1. Warna-warna Universiti ialah ungu dan putih. Warna ungu dan putih itu adalah masing-masingnya piawaian warna BCC 178 dan BCC 1 seperti di dalam Kamus Piawaian Warna, Majlis Warna British, London, Majlis Warna British, 1934.

Dengan kuasa-kuasa yang diberi kepada beta di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan

Universiti Sains Malaysia, maka beta perkenankan diperbuat Statut IX-Lambang dan Warna-warna.

Diluluskan oleh Majlis 8hb Jun 1979.

Ditandatangani oleh Canselor 19hb Ogos 1979.  
[USM 88/1; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P.U. (A) 159/81**

**STATUT X  
LEMBAGA PEMILIHAN, PENGESAHAN, KENAIKAN PANGKAT  
DAN LANJUTAN PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN  
KUMPULAN A**

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :  
Tarikh mula berkuatkuasa :

4hb Jun 1981  
1hb Mac 1981

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Lembaga Pemilihan, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan.](#)

[Perenggan 3. Kuasa-kuasa Lembaga.](#)

[Perenggan 4. Kuasa Naib Canselor untuk melantik.](#)

[Perenggan 5. Syarat-syarat perkhidmatan.](#)

[JADUAL](#)

**P.U. (A) 159/81**  
**STATUT X-LEMBAGA PEMILIHAN, PENGESAHAN, KENAIKAN PANGKAT**  
**DAN LANJUTAN PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN KUMPULAN A**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (1) seksyen 26 [*P.U. (A) 269/75*] Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Canselor membuat Statut yang berikut:

**P.U. (A) 159/81**  
**STATUT X-LEMBAGA PEMILIHAN, PENGESAHAN, KENAIKAN PANGKAT**  
**DAN LANJUTAN PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN KUMPULAN A**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut X - Lembaga Pemilihan, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan bagi Kakitangan Kumpulan A** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Mac 1981.

**P.U. (A) 159/81**  
**STATUT X-LEMBAGA PEMILIHAN, PENGESAHAN, KENAIKAN PANGKAT**  
**DAN LANJUTAN PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN KUMPULAN A**

---

**Perenggan 2. Lembaga Pemilihan, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan.**

(1) Maka hendaklah ditubuhkan Lembaga Pemilihan, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan bagi kakitangan Kumpulan A yang dalam Statut ini disebut sebagai Lembaga, yang hendaklah bertanggungjawab kepada Majlis.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada-

- (a) seorang Timbalan Naib Canselor yang dilantik oleh Naib Canselor, yang akan menjadi Pengerusi;
- (b) dua orang ahli Majlis yang dilantik oleh Majlis;
- (c) Dekan atau Dekan-dekan Pusat pengajian atau Pengarah atau Pengarah-pengarah Pusat di mana kakitangan tersebut akan dilantik; dan
- (d) dua orang ahli Senat yang dilantik oleh Senat.

(3) Apabila membuat pertimbangan mengenai perlingtonan jawatan bagi sesuatu Kerusi, Lembaga hendaklah terdiri daripada-

- (a) Naib Canselor sebagai Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Naib Canselor yang dilantik oleh Naib Canselor;
- (c) dua orang ahli Majlis yang dilantik oleh Majlis;
- (d) Dekan atau Dekan-dekan Pusat Pengajian atau Pengarah atau Pengarah-pengarah Pusat di mana perlingtonan akan dibuat atau di mana kakitangan tersebut akan dilantik; dan
- (e) dua orang ahli Senat yang berjawatan Profesor yang dilantik oleh Senat.

(4) Seseorang ahli Lembaga yang dilantik oleh Majlis atau Senat boleh meletakkan jawatan dengan memberi notis secara bertulis kepada Pendaftar.

(5) Jika oleh kerana kematian, hilang kelayakan, ketidakupayaan atau perletakan jawatan, suatu kekosongan biasa berlaku di antara ahli-ahli Lembaga yang dilantik, kekosongan itu hendaklah diisi oleh badan yang berkenaan, dan orang yang dilantik untuk mengisi kekosongan itu hendaklah memegang jawatan selama baki tempoh jawatan orang yang digantikannya itu.

(6) Pengerusi Lembaga hendaklah menentukan tarikh, tempat dan masa untuk mesyuarat Lembaga dan semua mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Pendaftar yang hendaklah menjadi setiausaha Lembaga.

(7) Korum ialah sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah penuh ahli-ahli Lembaga, termasuk

sekurang-kurangnya seorang ahli yang dilantik oleh Majlis dan seorang ahli yang dilantik oleh Senat.

**P.U. (A) 159/81**  
**STATUT X-LEMBAGA PEMILIHAN, PENGESAHAN, KENAIKAN PANGKAT**  
**DAN LANJUTAN PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN KUMPULAN A**

---

**Perenggan 3. Kuasa-kuasa Lembaga.**

Lembaga hendaklah mempunyai kuasa-kuasa berikut:

- (a)* melantik penilai luar yang bukan kakitangan Universiti untuk membantu dalam penilaian pemohon-pemohon untuk memenuhi sesuatu Kerusi atau untuk perlantikan sebagai Profesor Fellow, Profesor Madya atau Fellow Penyelidik Kanan;
- (b)* memperakukan kepada Majlis perlantikan kakitangan Kumpulan A dalam mana-mana kategori dan apabila berbuat demikian tidak akan menghadkan pemilihan hanya kepada mereka yang telah memohon mengikut iklan yang menyatakan kekosongan itu;
- (c)* memperakukan kepada Majlis pengesahan kakitangan Kumpulan A dalam mana-mana kategori dalam perlantikan masing-masing di Universiti;
- (d)* memperakukan kenaikan pangkat kakitangan Kumpulan A dalam mana-mana kategori ke perlantikan yang lebih tinggi grednya dalam skim perkhidmatan yang diluluskan bagi kakitangan kategori tersebut, yang akan diluluskan oleh Majlis dari semasa ke semasa;
- (e)* memperakukan kepada Majlis lanjutan perkhidmatan seseorang kakitangan Kumpulan A yang dilantik secara kontrak;
- (f)* memperakukan kepada Majlis penamatan perlantikan seseorang kakitangan Kumpulan A dalam percubaan atau yang diambilkerja secara kontrak, yang dianggap tidak sesuai untuk penggajian selanjutnya dalam perkhidmatan Universiti, atas alasan lain daripada yang berupa tatatertib;
- (g)* melantik sebuah jawatankuasa yang ahli-ahlinya terdiri daripada ahli-ahli Lembaga dan orang-orang lain atau orang-orang lain sahaja untuk membantu Lembaga melaksanakan tugas, kewajipan dan tanggungjawabnya.



**P.U. (A) 159/81**  
**STATUT X-LEMBAGA PEMILIHAN, PENGESAHAN, KENAIKAN PANGKAT**  
**DAN LANJUTAN PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN KUMPULAN A**

---

**Perenggan 4. Kuasa Naib Canselor untuk melantik.**

Walau apa pun kuasa-kuasa Lembaga untuk membuat perakuan dan kuasa-kuasa Majlis untuk melantik atau melanjutkan perkhidmatan kakitangan Kumpulan A dalam kategori-kategori seperti yang disenaraikan dalam Jadual, Naib Canselor boleh, jika keadaan memerlukan, melantik seorang kakitangan dalam mana-mana kategori setelah diberi kuasa oleh Majlis dari semasa ke semasa, atas dasar sementara dengan apa jua jawatan atau nama yang dianggap perlu, dengan syarat tempoh perlantikan tersebut tidak melebihi dua belas bulan dan perlantikan tersebut dilaporkan kepada Majlis.

**P.U. (A) 159/81**  
**STATUT X-LEMBAGA PEMILIHAN, PENGESAHAN, KENAIKAN PANGKAT**  
**DAN LANJUTAN PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN KUMPULAN A**

---

**Perenggan 5. Syarat-syarat perkhidmatan.**

Melainkan Majlis membuat ketetapan sebaliknya, kontrak bagi seseorang kakitangan Kumpulan A dalam mana-mana kategori hendaklah mengikut syarat-syarat perkhidmatan bagi kakitangan dalam kategori tersebut yang akan diluluskan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

**P.U. (A) 159/81**  
**STATUT X-LEMBAGA PEMILIHAN, PENGESAHAN, KENAIKAN PANGKAT**  
**DAN LANJUTAN PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN KUMPULAN A**

---

**JADUAL**

JAWATAN-JAWATAN KUMPULAN A

I. KAKITANGAN PENGAJAR

1. Pengarah.
2. Profesor.
3. Profesor Fellow.
4. Profesor Madya.
5. Fellow Penyelidik Kanan.
6. Pensyarah Pelatih.
7. Pensyarah
8. Fellow Penyelidik.
9. Instruktur.
10. Guru Bahasa (Ijazah).
11. Pembantu Penyelidik.
12. Guru Bahasa (Diploma).

II. KAKITANGAN PENTADBIRAN

1. Pendaftar.
2. Bendahari.
3. Ketua Pustakawan.
4. Pegawai Perubatan.
5. Timbalan Pendaftar.
6. Timbalan Bendahari.
7. Ketua Jurutera.

8. Jurutera Kanan.
9. Penolong Kanan Pendaftar.
10. Penganalisa Sistem Kanan.
11. Pengarah Keselamatan.
12. Pegawai Pergigian.
13. Jurutera.
14. Farmasis.
15. Penolong Pustakawan.
16. Penolong Pendaftar.
17. Penolong Bendahari.
18. Penyunting.
19. Penasihat Pelajar.
20. Pegawai Sukan.
21. Penganalisa Sistem
22. Pegawai Tadbir.
23. Pegawai Istilah.
24. Pegawai Kebudayaan.
25. Pegawai Agama.
26. Kurator.
27. Pegawai Pembangunan.
28. Pegawai Keselamatan.

Dengan kuasa-kuasa yang diberi kepada beta di bawah seksyen kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, maka beta berkenankan diperbuat Statut X-Lembaga Pemilihan, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan bagi Kakitangan Kumpulan A.

Diluluskan oleh Majlis: 24hb Pebruari 1981.

Ditandatangani oleh Canselor: 9hb Mei 1981.  
[USM. 88/1; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H Pt. II.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P.U. (A) 160/81**

**STATUT XI  
LEMBAGA PEMILIHAN, PENGESAHAN, KENAIKAN PANGKAT  
DAN LANJUTAN PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN  
KUMPULAN B, C DAN D**

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :  
Tarikh mula berkuatkuasa :

4hb Jun 1981  
1hb Mac 1981

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Lembaga Pemilihan, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan.](#)

[Perenggan 3. Kuasa-kuasa Lembaga.](#)

[Perenggan 4. Kuasa Naib Canselor untuk melantik.](#)

[Perenggan 5. Syarat-syarat perkhidmatan.](#)

[JADUAL](#)

**P.U. (A) 160/81**  
**STATUT XI- LEMBAGA PEMILIHAN, PENGESAHAN, KENAIKAN PANGKAT DAN LANJUTAN**  
**PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN KUMPULAN B, C DAN D**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (1) seksyen 26  
[P.U.(A)269/75] Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Canselor membuat Statut yang berikut:

**P.U. (A) 160/81**  
**STATUT XI- LEMBAGA PEMILIHAN, PENGESAHAN, KENAIKAN PANGKAT DAN LANJUTAN**  
**PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN KUMPULAN B, C DAN D**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut XI - Lembaga Pemilihan, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan bagi Kakitangan Kumpulan B, C dan D** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Mac 1981.



**P.U. (A) 160/81**  
**STATUT XI- LEMBAGA PEMILIHAN, PENGESAHAN, KENAIKAN PANGKAT DAN LANJUTAN**  
**PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN KUMPULAN B, C DAN D**

---

**Perenggan 2. Lembaga Pemilihan, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan.**

- (1) Maka hendaklah ditubuhkan Lembaga Pemilihan, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan bagi Kakitangan Kumpulan B, C dan D yang dalam Statut ini disebut sebagai Lembaga, yang hendaklah bertanggungjawab kepada Majlis
- (2) Lembaga hendaklah terdiri daripada-
- (a) seorang Timbalan Naib Canselor yang dilantik oleh Naib Canselor, yang akan menjadi Pengerusi;
  - (b) dua orang ahli Majlis yang dilantik oleh Majlis;
  - (c) Pendaftar;
  - (d) Dekan atau Dekan-dekan Pusat Pengajian atau Pengarah atau Pengarah-pengarah Pusat atau Ketua atau Ketua-ketua Jabatan atau Institusi di mana perlantikan akan dibuat atau di mana kakitangan tersebut akan dilantik; dan
  - (e) dua orang ahli Senat yang dilantik oleh Senat.
- (3) Seseorang ahli Lembaga yang dilantik oleh Majlis atau Senat boleh meletakkan jawatan dengan memberi notis secara bertulis kepada Pendaftar.
- (4) Jika oleh kerana kematian, hilang kelayakan, ketidakupayaan atau perletakan jawatan, suatu kekosongan biasa berlaku di antara ahli-ahli Lembaga yang dilantik, kekosongan itu hendaklah diisi oleh badan yang berkenaan, dan orang yang dilantik untuk mengisi kekosongan itu hendaklah memegang jawatan selama baki tempoh jawatan orang yang digantikannya itu.
- (5) Pengerusi Lembaga hendaklah menentukan tarikh, tempat dan masa untuk mesyuarat Lembaga dan semua mesyuarat hendaklah dipanggil oleh seorang Timbalan Pendaftar yang dilantik oleh Pendaftar yang menjadi setiausaha kepada Lembaga.
- (6) Korum ialah sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah penuh ahli-ahli Lembaga, termasuk sekurang-kurangnya seorang ahli yang dilantik oleh Majlis, dan seorang ahli yang dilantik oleh Senat.

**P.U. (A) 160/81**  
**STATUT XI- LEMBAGA PEMILIHAN, PENGESAHAN, KENAIKAN PANGKAT DAN LANJUTAN**  
**PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN KUMPULAN B, C DAN D**

---

### **Perenggan 3. Kuasa-kuasa Lembaga.**

Lembaga hendaklah mempunyai kuasa-kuasa berikut:

- (a) memperakukan kepada Majlis perlantikan kakitangan Kumpulan B, C dan D dalam mana-mana kategori dan apabila berbuat demikian tidak menghadkan pemilihan hanya kepada mereka yang telah memohon mengikut iklan yang menyatakan kekosongan itu;
- (b) memperakukan kepada Majlis pengesahan kakitangan Kumpulan B, C dan D dalam mana-mana kategori dalam perlantikan masing-masing di Universiti;
- (c) memperakukan kepada Majlis kenaikan pangkat kakitangan Kumpulan B, C dan D ke perlantikan yang lebih tinggi grednya dalam skim perkhidmatan yang diluluskan bagi kakitangan kategori tersebut, yang akan diluluskan oleh Majlis dari semasa ke semasa;
- (d) memperakukan kepada Majlis lanjutan perkhidmatan seseorang kakitangan (kumpulan B, C atau D yang dilantik secara kontrak;
- (e) memperakukan kepada Majlis penamatan perlantikan seseorang kakitangan Kumpulan B, C atau D dalam percubaan atau dalam kontrak, yang dianggap tidak sesuai untuk penggajian selanjutnya dalam perkhidmatan Universiti, atas alasan lain daripada yang berupa tatatertib;
- (f) melantik sebuah jawatankuasa yang ahli-ahlinya terdiri daripada ahli-ahli Lembaga dan orang-orang lain atau orang-orang lain sahaja untuk membantu Lembaga melaksanakan tugas, kewajipan dan tanggungjawabnya.

**P.U. (A) 160/81**  
**STATUT XI- LEMBAGA PEMILIHAN, PENGESAHAN, KENAIKAN PANGKAT DAN LANJUTAN**  
**PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN KUMPULAN B, C DAN D**

---

**Perenggan 4. Kuasa Naib Canselor untuk melantik.**

Walau apa pun kuasa-kuasa Lembaga untuk membuat perakuan dan kuasa-kuasa Majlis untuk melantik atau melanjutkan perkhidmatan kakitangan Kumpulan B, C dan D dalam kategori-kategori seperti yang disenaraikan dalam Jadual, Naib Canselor boleh, jika keadaan memerlukan, melantik seorang kakitangan dalam mana-mana kategori setelah diberi kuasa oleh Majlis dari semasa ke semasa, atas dasar sementara dengan apa jua jawatan atau nama yang dianggap perlu, dengan syarat tempoh perlantikan tersebut tidak melebihi dua belas bulan dan perlantikan tersebut dilaporkan kepada Majlis.

**P.U. (A) 160/81**  
**STATUT XI- LEMBAGA PEMILIHAN, PENGESAHAN, KENAIKAN PANGKAT DAN LANJUTAN**  
**PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN KUMPULAN B, C DAN D**

---

**Perenggan 5. Syarat-syarat perkhidmatan.**

Melainkan Majlis mernbuat ketetapan sebaliknya, kontrak bagi seseorang kakitangan Kumpulan B, C atau D yang telah disahkan dalam perlantikannya atau telah dinaikkan pangkat ke perlantikan yang lebih tinggi grednya, hendaklah mengikut syarat-syarat perkhidmatan bagi kakitangan dalam kategori tersebut yang akan diluluskan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

**P.U. (A) 160/81**  
**STATUT XI- LEMBAGA PEMILIHAN, PENGESAHAN, KENAIKAN PANGKAT DAN LANJUTAN**  
**PERKHIDMATAN BAGI KAKITANGAN KUMPULAN B, C DAN D**

---

**JADUAL**

*Jawatan-jawatan Kumpulan B, C dan D*

**I. KUMPULAN B (KAKITANGAN KERJA DAN SEPARA IKTISAS)**

1. Ketua Teknologis Makmal Perubatan.
2. Pegawai Kerja Kanan.
3. Teknologis Makmal Perubatan Kanan.
4. Pembantu Teknik.
5. Pembantu Prosesan Data.
6. Juru X-Ray.
7. Perancang Komputer.
8. Pegawai Kerja (Kewangan).
9. Pegawai Kerja (Pentadbiran).
10. Pelukis Grafik.
11. Penyelia Asrama.
12. Penolong pegawai Keselamatan.
13. Jurulatih Sukan.
14. Jurulatih.
15. Teknologis Makmal Perubatan.

**II. KUMPULAN C (KAKITANGAN PERKERANIAN DAN TEKNIK)**

1. Ketua Pembantu Makmal.

2. Ketua Tukang Pelan.
3. Setiausaha I.
4. Pembantu Makmal Kanan.
5. Setiausaha II.
6. Kerani Kanan.
7. Jururawat.
8. Jururawat Pergigian/Penyambut.
9. Dispenser.
10. Pembantu Makmal.
11. Pembantu Kawasan.
12. Juruteknik.
13. Tukang Pelan.
14. Pelukis Peta.
15. Kerani.
16. Kerani Akaun.
17. Penyelenggara Stor.
18. Pembantu Muzium.
19. Jurutrengkas.
20. Operator Mikrofilem.
21. Operator Kamera.
22. Jurugambar.
23. Penyiasat Luar.
24. Ustaz.

### III. KUMPULAN D

- (i) *Kakitangan Rendah Pejabat*

1. Penyelia Operator Key Punch.
2. Operator Konsol.
3. Penyelia Operator Telefon.
4. Operator Mesin Akaun.
5. Operator Mesin.
6. Operator Komputer.
7. Operator Key Punch.
8. Komposer.
9. Kompositor.
10. Jurutaip.
11. Operator Telefon.
12. Porter.
13. Ketua Pengawal Kampus.
14. Pengawal Kampus Kanan.
15. Pengawal Kampus.
16. Pengawas.
17. Atendan Pejabat.
18. Atendan Makmal.
19. Penghantar Cepat.
20. Atendan Dek.
21. Tukang Cuci.

(ii) *Kakitangan Mahir/Separa Mahir*

1. Fomen Jilid.
2. Penjilid Buku.
3. Serang Tingkatan II.
4. "Engine Man".

5. Operator Mesin Cetak.
6. Pembantu Makmal Rendah.
7. Pembantu Kawasan Rendah.
8. Juruteknik Rendah Gred II.
9. Jurulektrik.
10. Tukang Paip.
11. Tukang Batu.
12. Tukang Cat.
13. Tukang Kayu.
14. Jurusureh.
15. Jurufoto Litho.
16. Penjaga Jentera.
17. Penolong Jururawat.
18. Pembantu Klinik.
19. Tukang Masak.

(iii) *Kakitangan Perusahaan dan Buruh Kasar*

1. Operator Pam.
2. Drebar.
3. Mandur.
4. Penjaga.
5. Aperantis.
6. Buruh.
7. Tukang Kebun.

Dengan kuasa-kuasa yang diberi kepada beta di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, maka beta perkenankan diperbuat Statut XI - Lembaga Pemilihan, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan bagi Kakitangan Kumpulan B, C dan D.



Diluluskan oleh Majlis: 24hb Februari 1981.  
Ditandatangani oleh Canselor: 9hb Mei 1981.  
[USM. 88/1; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H Pt. II.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P.U. (A) 503/94**

**STATUT XII  
COKMAR UNIVERSITI**

Tarikh mula berkuatkuasa :

4hb Oktober 1971

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mulaberkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Rekabentuk Cokmar.](#)

[Perenggan 3. Cokmar melambangkan kuasa Canselor.](#)

[Perenggan 4. Penggunaan Cokmar.](#)

[Perenggan 5. Jagaan Cokmar.](#)

**P.U. (A) 503/94  
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
STATUT XII - COKMAR UNIVERSITI**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [P.U.(A) 269/75], Canselor membuat statut yang berikut:

**P.U. (A) 503/94**  
**STATUT XII - COKMAR UNIVERSITI**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut XII-Cokmar Universiti** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 4hb Oktober 1971.

**P.U. (A) 503/94  
STATUT XII - COKMAR UNIVERSITI**

---

**Perenggan 2. Rekabentuk Cokmar.**

Maka hendaklah ada sebuah Cokmar Universiti (kemudian daripada ini disebut "Cokmar") yang rekabentuknya hendaklah diluluskan oleh Majlis.

**P.U. (A) 503/94  
STATUT XII - COKMAR UNIVERSITI**

---

**Perenggan 3. Cokmar melambangkan kuasa Canselor.**

Cokmar melambangkan kuasa Canselor sebagai Ketua Universiti.

**P.U. (A) 503/94  
STATUT XII - COKMAR UNIVERSITI**

---

**Perenggan 4. Penggunaan Cokmar.**

Cokmar hendaklah hanya digunakan dalam upacara akademik dan majlis rasmi Universiti yang dipengerusikan oleh Canselor atau seorang Pro-Canselor.

**P.U. (A) 503/94**  
**STATUT XII - COKMAR UNIVERSITI**

---

**Perenggan 5. Jagaan Cokmar.**

Naib Canselor hendaklah menjadi penyimpan rasmi Cokmar.

Dibuat pada 15hb November 1994.  
[KP (R) 022/113/J/Jld. VI; PN. (PU<sup>2</sup>) 75-H Pt. IV.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI ALMARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*





AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P.U. (A) 367/91**

**STATUT XIII  
JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN**

Tarikh mula berkuatkuasa :

7hb Februari 1983

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Jawatankuasa Tetap Kewangan.](#)

[Perenggan 3. Kuasa Jawatankuasa.](#)

**P.U. (A) 367/91**  
**STATUT XIII - JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [*P.U.(A) 169175*], Canselor membuat, menurut peruntukan-peruntukan seksyen tersebut, statut yang berikut:

**P.U. (A) 367/91**  
**STATUT XIII - JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut XIII - Jawatankuasa Tetap Kewangan** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 7hb Februari 1983.

**P.U. (A) 367/91**  
**STATUT XIII - JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN**

---

**Perenggan 2. Jawatankuasa Tetap Kewangan.**

(1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Tetap Kewangan yang dalam Statut ini disebut sebagai "Jawatankuasa" dan menurut peruntukan subseksyen (1) seksyen 12 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Jawatankuasa adalah satu Pihak Berkuasa Universiti dan hendaklah bertanggungjawab kepada Majlis.

(2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada-

- (i) Pengerusi yang akan dilantik oleh Majlis dari antara anggota-anggotanya;
- (ii) Naib Canselor;
- (iii) tiga orang anggota Majlis yang dilantik oleh Majlis;
- (iv) dua orang anggota Senat yang dilantik oleh Senat; dan
- (v) Bendahari adalah Setiausaha bagi Jawatankuasa itu.

**P.U. (A) 367/91**  
**STATUT XIII - JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN**

---

**Perenggan 3. Kuasa Jawatankuasa.**

Tertakluk kepada bidang kuasa keseluruhan Jawatankuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk-

- (i) mengatur dan mengawal kewangan Universiti;
- (ii) menimbang draf anggaran hasil dan perbelanjaan Universiti dan membuat perakuan untuk kelulusan Majlis; dan
- (iii) menubuhkan lembaga tawaran, jawatankuasa pelaburan dan jawatankuasa-jawatankuasa lain yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa.

Diperbuat pada 24hb Ogos 1991.

IKP. R 022/113/J/Jld. VI; USM. 88/1; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H Pt. III.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI ALMARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P.U. (A) 368/91**

**STATUT XIV  
LEMBAGA KEMASUKAN**

Tarikh mula berkuatkuasa :

1hb Januari 1980

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mulaberkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Lembaga Kemasukan.](#)

[Perenggan 3. Kuasa Lembaga.](#)

**P.U. (A) 368/91**  
**STATUT XIV - LEMBAGA KEMASUKAN**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [*P.U.(A) 269/75*], Canselor membuat, menurut peruntukan-peruntukan seksyen tersebut, statut yang berikut:

**P.U. (A) 368/91**  
**STATUT XIV - LEMBAGA KEMASUKAN**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut XIV-Lembaga Kemasukan** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1980.



**P.U. (A) 368/91**  
**STATUT XIV - LEMBAGA KEMASUKAN**

---

**Perenggan 2. Lembaga Kemasukan.**

(1) Lembaga Kemasukan (kemudian daripada ini disebut sebagai "Lembaga") adalah dengan ini ditubuhkan sebagai suatu Pihak-berkuasa Universiti Sains Malaysia menurut subseksyen (1) seksyen 12 Perlembagaan.

(2) Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Senat Universiti bagi semua perkara yang berkaitan dengan pemilihan dan kemasukan pelajar-pelajar ke dalam Universiti.

(3) Lembaga hendaklah terdiri daripada-

(a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi Pengerusi;

(b) Timbalan-Timbalan Naib Canselor;

(c) Dekan-Dekan Pusat Pengajian;

(d) Pengarah-Pengarah Pusat; dan

(e) Pendaftar.

(4) Tarikh, tempat dan masa mesyuarat Lembaga hendaklah ditentukan oleh Pengerusi dan mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Pendaftar yang hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Lembaga.

(5) Bagi mencukupkan kuorum sekurang-kurangnya setengah daripada ahli-ahli Lembaga hendaklah hadir.

(6) Jika Pengerusi tidak dapat hadir dalam sesuatu mesyuarat, beliau boleh melantik seorang Timbalan Naib Canselor untuk mempengerusikan mesyuarat.

---

Copyright © 2005 PNMB-LawNet. All rights reserved.

**P.U. (A) 368/91  
STATUT XIV - LEMBAGA KEMASUKAN**

---

**Perenggan 3. Kuasa Lembaga.**

Tertakluk kepada bidang kuasa keseluruhan Senat, Lembaga berkuasa-

- (a) untuk membuat perakuan kepada Senat bagi pembentukan dasar mengenai semua perkara, termasuk peraturan-peraturan, yang berkaitan dengan kemasukan pelajar-pelajar ke Universiti;
- (b) untuk menentukan bagi pihak Senat kriteria pemilihan dan kehendak kemasukan bagi pelajar-pelajar ke dalam mana-mana program prasiswazah, diploma atau sijil;
- (c) untuk menimbangkan dan menerima pelajar-pelajar bagi pihak Senat ke dalam mana-mana program prasiswazah diploma atau sijil;
- (d) untuk menimbangkan dan membuat keputusan bagi permohonan pertukaran program pengajian;
- (e) untuk menilai kelayakan-kelayakan daripada Universiti-Universiti luar negeri dan untuk meluluskan perpindahan kredit pelajar-pelajar;
- (f) untuk membuat perakuan kepada Senat bagi menyelesaikan kes-kes luar biasa; dan
- (g) untuk mengendalikan apa-apa perkara yang boleh dirujuk kepada Senat dan melaksanakan apa-apa kuasa dan fungsi yang lain sebagaimana yang boleh diwakilkan kepadanya oleh Senat, atau yang diperuntukkan di bawah peruntukan mana-mana Statut, Akta atau Peraturan Universiti.

Diperbuat pada 24hb Ogos 1991.  
[KP. R 022/113/J/Jld. VI; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H Pt. III]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI ALMARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P.U. (A) 281/91**

**STATUT XV  
LEMBAGA PEPERIKSAAN**

Tarikh mula berkuatkuasa :

1hb April 1980

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Lembaga Peperiksaan.](#)

[Perenggan 3. Kuasa Lembaga.](#)

**P.U. (A) 281/91**  
**STATUT XV - LEMBAGA PEPERIKSAAN**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [*P.U.(A) 269/75*], Canselor membuat Statut yang berikut:

**P.U. (A) 281/91**  
**STATUT XV - LEMBAGA PEPERIKSAAN**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini boleh dinamakan **Statut XV - Lembaga Peperiksaan** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb April 1980.

**P.U. (A) 281/91**  
**STATUT XV - LEMBAGA PEPERIKSAAN**

---

**Perenggan 2. Lembaga Peperiksaan.**

(1) Lembaga Peperiksaan (kemudian daripada ini disebut sebagai "Lembaga") adalah dengan ini ditubuhkan sebagai suatu Pihak berkuasa Universiti Sains Malaysia menurut subseksyen (1) seksyen 12 Perlembagaan.

(2) Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Senat Universiti bagi semua perkara yang berkaitan dengan peperiksaan Universiti.

(3) Lembaga hendaklah terdiri daripada-

(a) Naib Canselor, yang akan menjadi Pengerusi;

(b) seorang Timbalan Naib Canselor yang dilantik oleh Naib Canselor, yang akan menjadi Timbalan Pengerusi;

(c) Dekan-Dekan Pusat Pengajian;

(d) Pengarah-Pengarah Pusat; dan

(e) Pendaftar.

(4) Tarikh, tempat dan masa mesyuarat Lembaga hendaklah ditentukan oleh Pengerusi dan mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Pendaftar atau timbalannya yang hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Lembaga.

(5) Bagi mencukupkan kuorum sekurang-kurangnya setengah daripada ahli-ahli Lembaga hendaklah hadir.

(6) Jika Pengerusi tidak dapat hadir dalam sesuatu mesyuarat, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu, dan jika Timbalan Pengerusi juga tidak dapat hadir, maka Lembaga boleh memilih seorang daripada mereka sebagai Pengerusi bagi mesyuarat tersebut.

---

Copyright © 2005 PNMB-LawNet. All rights reserved.

**P.U. (A) 281/91  
STATUT XV - LEMBAGA PEPERIKSAAN**

---

### **Perenggan 3. Kuasa Lembaga.**

Tertakluk kepada bidangkuasa keseluruhan Senat, Lembaga berkuasa:

(a) untuk membuat perakuan kepada Senat bagi pembentukan dasar mengenai semua perkara, termasuk peraturan-peraturan, yang berkaitan dengan peperiksaan Universiti;

(b) menerima keputusan peperiksaan dan perakuan dari pada Lembaga Pemeriksa Pusat Pengajian dan Pusat yang berkenaan, dan memperakukan kepada Senat penganugerahan apa-apa ijazah, diploma atau sijil Universiti;

(c) menentukan status akademik setiap pelajar dan penamatan pengajian pelajar-pelajar yang tidak memenuhi keperluan akademik Universiti;

(d) membuat perakuan kepada Senat untuk menyelesaikan kes-kes luar biasa; dan

(e) mengendalikan sesuatu perkara yang mungkin dirujuk kepadanya oleh Senat dan untuk melaksanakan mana-mana kuasa dan fungsi yang lain sebagaimana yang boleh diwakilkan kepadanya oleh Senat, atau yang diperuntukkan di bawah peruntukan mana-mana Statut, Akta atau Peraturan Universiti.

Diperbuat pada 26hb Jun 1991.  
[KP. R 022/113/J/Jld. V; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H Pt. III.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*

---

Copyright © 2005 PNMB-LawNet. All rights reserved.



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P.U. (A) 322/81**

**STATUT XVI**

**LEMBAGA PENGAJIAN SISWAZAH**

*Mengandungi pindaan terkini - P.U.(A) 370/91*

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :  
Tarikh mula berkuatkuasa :

8hb Okt 1981  
1hb Jan 1979

---

**SUSUNAN STATUT**

---



[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Lembaga Pengajian Siswazah.](#)

[Perenggan 3. Kuasa Lembaga.](#)

[SENARAI PINDAAN](#)

**P.U. (A) 322/81  
STATUT XVI - LEMBAGA PENGAJIAN LANJUTAN**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (1) seksyen 26 [P.U (A) 269/75] Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Canselor membuat Statut yang berikut:

**P.U. (A) 322/81  
STATUT XVI - LEMBAGA PENGAJIAN LANJUTAN**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut XVI - Lembaga Pengajian Siswazah** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1979.

**P.U. (A) 322/81**  
**STATUT XVI - LEMBAGA PENGAJIAN SISWAZAH**

---

**Perenggan 2. Lembaga Pengajian Siswazah.**

(1) Maka hendaklah ditubuhkan Lembaga Pengajian Siswazah yang dalam Statut ini disebut sebagai "Lembaga" dan menurut peruntukan seksyen kecil (1) seksyen 12 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Lembaga adalah suatu Pihak Berkuasa Universiti dan hendaklah bertanggungjawab kepada Senat.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada:

- (a) Naib Canselor, yang akan menjadi Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Naib Canselor yang dilantik oleh Naib Canselor, yang akan menjadi Timbalan Pengerusi;
- (c) Dekan-dekan Pusat Pengajian dan Pengarah-pengarah Pusat atau penama mereka;

(d) dua orang (selain daripada Dekan-dekan atau Pengarah-Pengarah) yang dilantik oleh senat dari kalangan ahli-ahlinya;

(e) Ketua Pustakawan atau Timbalannya; dan

(f) Pendaftar atau Timbalannya;

(g) tidak lebih daripada lima orang yang dilantik oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

*[Gan. P.U.(A) 370/91]*

(3) Seseorang ahli yang dilantik sebagai ahli Lembaga disebabkan dia menjadi penama Dekan Pusat Pengajian atau Pengarah Pusat seperti diperuntukkan di bawah fasal kecil (2) (c) fasal 2, hendaklah memegang jawatan untuk suatu tempoh satu tahun dari tarikh perlantikan ini dan boleh dilantik semula setelah dicalonkan oleh Dekan Pusat Pengajian atau Pengarah Pusat.

(4) Seorang ahli yang dipilih atau dilantik sebagai ahli Lembaga, boleh meletak jawatan dengan memberi notis secara bertulis kepada Dekan Pengajian Siswazah.

*[Pin. P.U.(A) 370/91]*

(5) Jika oleh kerana kematian, hilang akal, ketidakupayaan atau perletakan jawatan, suatu kekosongan biasa berlaku di antara ahli-ahli Lembaga yang dipilih atau dilantik, kekosongan itu hendaklah diisi oleh orang atau badan yang berkenaan, dan orang yang dipilih atau dilantik untuk mengisi kekosongan itu hendaklah memegang jawatan selama baki jawatan orang yang digantikannya itu.

(6) Pengerusi Lembaga hendaklah menentukan tarikh, tempat dan masa untuk mesyuarat. Lembaga dan mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Dekan Pengajian Siswazah, yang menjadi setiausaha Lembaga.

*[Pin. P.U.(A) 370/91]*

(7) Korum ialah sekurang-kurangnya setengah dari jumlah penuh ahli-ahli Lembaga.

(8) Jika Pengerusi tidak hadir di sesuatu mesyuarat, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusi mesyuarat itu, dan jika Timbalan Pengerusi juga tidak hadir, maka ahli-ahli Lembaga yang ada boleh memilih seorang dari antara mereka untuk bertindak sebagai Pengerusi semasa ketidakhadiran itu.

**P.U. (A) 322/81**  
**STATUT XVI - LEMBAGA PENGAJIAN LANJUTAN**

---

**Perenggan 3. Kuasa Lembaga.**

Tertakluk kepada bidangkuasa keseluruhan Senat, Lembaga hendaklah:

- (a) Untuk membuat perakuan kepada Senat untuk menggubal dasar mengenai semua perkara, termasuklah peraturan-peraturan, berhubung dengan pengajian lanjutan di Universiti;
- (b) Untuk menerima dan menimbang bagi pihak Senat:
  - (i) semua perakuan yang dibuat oleh Lembaga-lembaga Pusat Pengajian yang berkenaan mengenai kemasukan pelajar bagi mengikuti apa-apa kursus atau program penyelidikan, atau gabungan kedua-duanya sekali, yang membawa kepada penganugerahan ijazah, diploma atau sijil lanjutan Universiti;

(ii) semua perakuan daripada Lembaga-lembaga Pusat Pengajian dan Pusat mengenai perkara-perkara berhubungan dengan pengajaran, skim pengajian, program penyelidikan, peperiksaan, penyeliaan dan kedudukan pencalonan ijazah lanjutan Universiti;

(iii) Semua perakuan untuk melantik penyelia, pemeriksa dalam, pemeriksa luar dan ahli Jemaah Pemeriksaan Tesis untuk semua pelajar Ijazah lanjutan Universiti; dan

(iv) permohonan untuk pertukaran mengenai penyelia, tajuk penyelidikan, kedudukan pencalonan dan perkara-perkara lain yang berkaitan:

Dengan syarat bahawa apa-apa keputusan yang dibuat oleh Lembaga hendaklah dilaporkan kepada Senat pada mesyuarat Senat yang akan datang;

(c) menimbang kemajuan dan kelakuan pelajar ijazah lanjutan dan menentukan pencalonan pelajar tersebut dan melaporkan kepada Senat;

(d) menerima keputusan peperiksaan dan perakuan Lembaga Pemeriksa Pusat Pengajian dan Pusat yang berkenaan dan Jemaah Pemeriksaan Tesis dan memperakukan kepada Senat penganugerahan apa-apa ijazah, diploma atau sijil lanjutan Universiti;

(e) membuat perakuan kepada Senat untuk memutuskan kes-kes yang luar biasa; dan

(f) mengendalikan apa-apa perkara yang dirujuk kepada Senat dan melaksanakan apa-apa kuasa dan fungsi yang lain sebagaimana diwakilkan kepadanya oleh Senat atau yang diperuntukkan di bawah peruntukan mana-mana Statut dan Akta Universiti.

Dengan kuasa-kuasa yang diberi kepada Beta di bawah seksyen kecil (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, maka Beta berkenankan, diperbuat Statut XVI - Lembaga Pengajian Lanjutan.

Diluluskan oleh Majlis: 6hb Julai 1981.

Ditandatangani oleh Canselor: 12hb September 1981.

[USM. 88! 1; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H Pt. II.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL.  
*Canselor,  
Universiti Sains Malaysia*

**P.U. (A) 322/81**  
**STATUT XVI - LEMBAGA PENGAJIAN LANJUTAN**

---

**SENARAI PINDAAN**

*Undang-undang yang  
meminda*

*Tajuk ringkas*

*Berkuat kuasa dari*

[P.U \(A\) 370/91](#)

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 -  
Perlembagaan Universiti Sains Malaysia  
Statut XXXVI - Lembaga Pengajian Siswazah  
(Pindaan) 1991

1hb Ogos 1991



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P.U. (A) 505/94**



## **STATUT XVIII DEKAN**

Tarikh mula berkuatkuasa :

1hb Januari 1978

---

### **SUSUNAN STATUT**

---

#### [Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Perlantikan Dekan.](#)

[Perenggan 3. Tanggungjawab.](#)

[Perenggan 4. Fungsi lain Dekan.](#)

[Perenggan 5. Tempoh jawatan, perletakan jawatan dan perlantikan semula.](#)

**P.U. (A) 505/94  
STATUT XVIII - DEKAN**

---

#### **Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [P.U.(A) 269/75], Canselor membuat statut yang berikut:

**P.U. (A) 505/94  
STATUT XVIII - DEKAN**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut XVIII - Dekan** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1978.

**P.U. (A) 505/94  
STATUT XVIII - DEKAN**

---

**Perenggan 2. Perlantikan Dekan.**

Dekan hendaklah dilantik oleh Naib Canselor daripada kalangan kakitangan akademik penuh masa Pusat Pengajian daripada jawatan Profesor atau Profesor Madya dan hendaklah bertanggungjawab kepada Naib Canselor bagi melaksanakan tugas-tugasnya dengan sempurna.

**P.U. (A) 505/94  
STATUT XVIII - DEKAN**

---

**Perenggan 3. Tanggungjawab.**

Dekan hendaklah menjadi Pengerusi Lembaga Pusat Pengajian dan hendaklah mempunyai tanggungjawab keseluruhan bagi hal-ehwal akademik dan pentadbiran Pusat Pengajian.

**P.U. (A) 505/94  
STATUT XVIII - DEKAN**

---

**Perenggan 4. Fungsi lain Dekan.**

Dekan boleh menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang terletak hak padanya oleh

Perlembagaan Universiti, Statut dan Akta atau sebagaimana yang diberikuasa oleh Naib Canselor dari masa ke masa.

---

Copyright © 2005 PNMB-LawNet. All rights reserved.

**P.U. (A) 505/94  
STATUT XVIII - DEKAN**

---

**Perenggan 5. Tempoh jawatan, perletakan jawatan dan perlantikan semula.**

Dekan hendaklah dilantik untuk memegang jawatan bagi satu tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau boleh meletakkan jawatannya dengan memberi notis bertulis kepada Naib Canselor, atau sehingga perlantikannya dibatalkan oleh Naib Canselor. Dekan hendaklah boleh dilantik semula oleh Naib Canselor.

Dibuat pada 15hb November 1994.  
[KP (R) 022/113/J/Jld. VI; PN. (PU<sup>2</sup>) 75-H Pt. IV.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI ALMARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P.U. (A) 504/94**

**STATUT XIX  
PENGARAH PUSAT**

Tarikh mula berkuatkuasa :

1hb Januari 1978

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Perwujudan jawatan Pengarah Pusat.](#)

[Perenggan 3. Tanggungjawab Pengarah Pusat.](#)

[Perenggan 4. Fungsi lain Pengarah Pusat.](#)

[Perenggan 5. Perlantikan Pengarah Pusat.](#)

[Perenggan 6. Tempoh jawatan, perletakan jawatan dan perlantikan semula.](#)

**P.U. (A) 504/94  
STATUT XIX - PENGARAH PUSAT**

---

**Mukadimah**



PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [P.U.(A) 269/75], Canselor membuat statut yang berikut:

---

Copyright © 2005 PNMB-LawNet. All rights reserved

**P.U. (A) 504/94**  
**STATUT XIX - PENGARAH PUSAT**

---

## **Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut XIX - Pengarah Pusat** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1978.

---

Copyright © 2005 PNMB-LawNet. All rights reserved.

**P.U. (A) 504/94  
STATUT XIX - PENGARAH PUSAT**

---

## **Perenggan 2. Perwujudan jawatan Pengarah Pusat.**

Maka hendaklah ada Pengarah bagi Pusat yang ditubuhkan di bawah peruntukan Statut V - Pusat-Pusat [P.U.(A) 218/79] dan apa-apa pindaan selepas itu.

---

Copyright © 2005 PNMB-LawNet. All rights reserved.

---

### **Perenggan 3. Tanggungjawab Pengarah Pusat.**

Pengarah Pusat hendaklah menjadi Pengerusi Lembaga Pusat dan hendaklah mempunyai tanggungjawab keseluruhan bagi hal-ehwal akademik dan pentadbiran Pusat.

---

Copyright © 2005 PNMB-LawNet. All rights reserved

---

#### **Perenggan 4. Fungsi lain Pengarah Pusat.**

Pengarah Pusat boleh menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang terletak padanya oleh Perlembagaan Universiti, Statut dan Akta atau sebagaimana yang diberikuasa oleh Naib Canselor dari masa ke masa.

---

Copyright © 2005 PNMB-LawNet. All rights reserved

---

## **Perenggan 5. Perlantikan Pengarah Pusat.**

Pengarah Pusat hendaklah dilantik oleh Naib Canselor daripada kalangan kakitangan akademik penuh masa Pusat dan hendaklah bertanggungjawab kepada Naib Canselor bagi melaksanakan tugas-tugasnya dengan sempurna.

---

Copyright © 2005 PNMB-LawNet. All rights reserved.

---

## **Perenggan 6. Tempoh jawatan, perletakan jawatan dan perlantikan semula.**

Tertakluk kepada kuasa yang diberikan oleh Naib Canselor, Pengarah Pusat hendaklah dilantik untuk memegang jawatan bagi satu tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau boleh meletakkan jawatannya dengan memberi notis bertulis kepada Naib Canselor, atau sehingga perlantikannya dibatalkan oleh Naib Canselor. Pengarah Pusat hendaklah boleh dilantik semula oleh Naib Canselor.

Dibuat pada 15hb November 1994.

[KP. (R) 022/113/J/Jld. VI; PN. (PU<sup>2</sup>) 75-H Pt. IV.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI ALMARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P.U. (B) 30/91**

**STATUT XXI  
PENDAFTAR**

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :  
Tarikh mula berkuatkuasa :

17hb Jan 1991  
1hb Jan 1979

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Tugas-tugas Pendaftar.](#)



**P.U. (B) 30/91  
STATUT XXI - PENDAFTAR**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 26 [*P.U.(A) 269/75*]  
Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Canselor membuat statut yang berikut:

**P.U. (B) 30/91  
STATUT XXI - PENDAFTAR**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut XXI-PENDAFTAR** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1979.

**P.U. (B) 30/91**  
**STATUT XXI - PENDAFTAR**

---

**Perenggan 2. Tugas-tugas Pendaftar.**

(1) Maka hendaklah ada seorang Pendaftar yang berkhidmat sepenuh masa sebagai Pegawai Universiti.

(2) Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut-Statut, Akta-Akta dan Peraturan-Peraturan, tugas-tugas Pendaftar antara lain hendaklah termasuk perkara-perkara yang berikut:

(a) sebagai penyimpan rekod, dokumen dan apa-apa harta lain Universiti yang ditentukan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa;

(b) bertindak sebagai Setiausaha kepada semua Pihak Berkuasa Universiti dan menyimpan minit mesyuarat Pihak-Pihak Berkuasa tersebut;

(c) menguruskan peperiksaan-peperiksaan yang dijalankan oleh Universiti;

(d) melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diperlukan dalam menjalankan dengan sewajarnya tugas-tugas yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan, Statut-Statut, Akta-Akta dan Peraturan-Peraturan; dan

(e) menjalankan apa-apa tugas lain sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor.

(3) Pendaftar boleh mewakili mana-mana fungsinya kepada penolong-penolongnya yang dilantik oleh Majlis untuk membantu Pendaftar dalam melaksanakan dan menjalankan dengan sewajarnya tugas-tugasnya. Pembahagian kerja akan diuruskan oleh Pendaftar selepas berunding dengan Naib Canselor.

(4) Semasa ketiadaan Pendaftar oleh apa-apa sebab, Naib Canselor bolehlah memberi kuasa kepada Timbalan Pendaftar, Ketua Penolong Pendaftar, Penolong Pendaftar Kanan atau Penolong Pendaftar untuk menjalankan kesemua atau mana-mana tugas Pendaftar.

Diperbuat pada 8hb Disember 1990.

[KP. (R) 022/113/J/Jld. V; PN (PU<sup>2</sup>) 75 H Pt. III]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P.U. (B) 31/91**

**STATUT XXII  
BENDAHARI**

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :  
Tarikh mula berkuatkuasa :

17hb Jan 1981  
1hb Jan 1979

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Tugas-tugas Bendahari.](#)

**P.U. (B) 31/91  
STATUT XXII-BENDAHARI**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 26 [P.U.(A) 269/75] Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Canselor membuat statut yang berikut:

**P.U. (B) 31/91  
STATUT XXII-BENDAHARI**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut XXII-BENDAHARI** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1979.

**P.U. (B) 31/91**  
**STATUT XXII-BENDAHARI**

---

**Perenggan 2. Tugas-tugas Bendahari.**

(1) Maka hendaklah ada seorang Bendahari yang berkhidmat sepenuh masa sebagai Pegawai Universiti.

(2) Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut-Statut, Akta-Akta dan Peraturan-Peraturan, tugas-tugas Bendahari antara lain hendaklah termasuk perkara-perkara yang berikut:

(a) menyediakan, untuk pertimbangan Naib Canselor, anggaran pendapatan dan perbelanjaan Universiti bagi tiap-tiap tahun kewangan;

(b) memungut segala fee, sewa dan lain-lain wang yang kena dibayar kepada Universiti, mengeluarkan resit bagi pungutan tersebut dan mengakaunkan segala jumlah wang yang diterima sedemikian mengikut cara yang diarahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa, dan membelanjakan sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis dan mengakaunkan perbelanjaan-perbelanjaan itu sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis;

(c) menguruskan pengauditan tahunan dan apa-apa pengauditan khas bagi akaun Universiti;

(d) bertindak sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa Tetap Kewangan dan menyimpan minit dan rekod mesyuarat mesyuarat Jawatankuasa tersebut;

(e) menguruskan penyemakan stok tahunan bagi harta alih Universiti dan bertindak sebagai penyimpan apa-apa rekod, dokumen dan harta Universiti sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa;

(f) melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diperlukan dalam menjalankan dengan sewajarnya tugas-tugas yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan, Statut-Statut, Akta-Akta dan Peraturan-Peraturan; dan

(g) menjalankan apa-apa tugas lain sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor.

(3) Bendahari boleh mewakilkan mana-mana fungsinya kepada penolong-penolongnya yang dilantik oleh Majlis bagi membantu Bendahari dalam melaksanakan dan menjalankan dengan sewajarnya tugas-tugasnya. Pembahagian kerja akan diuruskan oleh Bendahari selepas berunding dengan Naib Canselor.

(4) Semasa ketiadaan Bendahari oleh apa-apa sebab, Naib Canselor bolehlah memberi kuasa kepada Timbalan Bendahari, Ketua Penolong Bendahari, Penolong Bendahari Kanan atau Penolong Bendahari untuk menjalankan kesemua atau mana-mana tugas Bendahari.

Diperbuat pada 8hb Disember 1990.  
[KP. (R) 022/113/J/Jld. V; PN. (PU<sup>2</sup>) 75 H Pt. III.]

D.Y.M.M. TUANKU SVED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,

*Canselor,  
Universiti Sains Malaysia*

---

Copyright © 2005 PNMB-LawNet. All rights reserved.





AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P.U. (B) 32/91**

**STATUT XXIII  
KETUA PUSTAKAWAN**

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :  
Tarikh mula berkuatkuasa :

17hb Jan 1991  
1hb Jan 1979

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Tugas-tugas Ketua Pustakawan.](#)

**P.U. (B) 32/91**  
**STATUT XXIII-KETUA PUSTAKAWAN**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 26 [P.U(A) 269/75] Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Canselor membuat statut yang berikut:

**P.U. (B) 32/91**  
**STATUT XXIII-KETUA PUSTAKAWAN**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut XXIII-KETUA PUSTAKAWAN** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1979.

**P.U. (B) 32/91**  
**STATUT XXIII-KETUA PUSTAKAWAN**

---

**Perenggan 2. Tugas-tugas Ketua Pustakawan.**

(1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Pustakawan yang berkhidmat sepenuh masa sebagai Pegawai Universiti.

(2) Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut-Statut, Akta-Akta dan Peraturan-Peraturan, tugas-tugas Ketua Pustakawan antara lain hendaklah termasuk perkara-perkara yang berikut:

(a) bertanggungjawab terhadap pentadbiran Perpustakaan Universiti dan mana-mana Cawangan Perpustakaan lain yang ditubuhkan;

(b) memberi perkhidmatan rujukan dan bibliografi dan apa-apa perkhidmatan lain yang dikehendaki untuk menyokong objektif-objektif Universiti;

(c) bertindak sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa Perpustakaan dan menyimpan minit dan rekod mesyuarat Jawatankuasa tersebut;

(d) melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diperlukan dalam menjalankan dengan sewajarnya tugas-tugas yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan, Statut-Statut, Akta-Akta dan Peraturan-Peraturan; dan

(e) menjalankan apa-apa tugas lain sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor.

(3) Ketua Pustakawan boleh mewakilkan mana-mana fungsinya kepada penolong-penolongnya yang dilantik oleh Majlis bagi membantu Ketua Pustakawan dalam melaksanakan dan menjalankan dengan sewajarnya tugas-tugasnya. Pembahagian kerja akan diuruskan oleh Ketua Pustakawan selepas berunding dengan Naib Canselor.

(4) Semasa ketiadaan ketua Pustakawan oleh apa-apa sebab, Naib Canselor bolehlah memberi kuasa kepada Timbalan Pustakawan, Ketua Penolong Pustakawan, Penolong Pustakawan-Kanan atau Penolong Pustakawan untuk menjalankan kesemua atau mana-mana tugas Ketua Pustakawan.

Diperbuat pada 8hb Disember 1990.

[KP. (R) 022/113/J/Jld. V; PN. (PU<sup>2</sup>) 75 H Pt. III.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM SYED HASSAN  
JAMALULLAIL,  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

P.U. (B) 773/90

**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
(CUTI SABATIKAL) 1990**

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* : 20hb Disember 1990

Tarikh mula berkuatkuasa : 1hb Jan 1990

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

**BAHAGIAN I - PERMULAAN**

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Tafsiran.](#)

**BAHAGIAN II - PEMBERIAN CUTI SABATIKAL**

[Perenggan 3. Tempoh perkhidmatan yang layak bagi cuti sabatikal dan lama serta maksud cuti sabatikal.](#)

[Perenggan 4. Lain-lain prasyarat bagi memberi cuti sabatikal.](#)

[Perenggan 5. Tempoh perkhidmatan sebelum cuti belajar, dsb., dikecualikan pada mengira perkhidmatan yang melayakkan cuti sabatikal](#)

[Perenggan 6. Permohonan bagi mendapatkan cuti sabatikal.](#)

[Perenggan 7. Kelulusan cuti sabatikal.](#)

[Perenggan 8. Tangguhan cuti sabatikal atas sebab-sebab peribadi.](#)

[Perenggan 9. Tangguhan paksa cuti sabatikal.](#)

[Perenggan 10. Luputnya cuti sabatikal dan habis kelayakan mendapatkan cuti sabatikal.](#)

### **BAHAGIAN III - KEMUDAHAN DAN FAEDAH**

[Perenggan 11. Gaji semasa cuti sabatikal.](#)

[Perenggan 12. Perbelanjaan perjalanan, elaun dan bayaran ganti bagi premium insurans kesihatan, dsb.](#)

[Perenggan 13. Bayaran fee.](#)

[Perenggan 14. Bantuan luar berkenaan dengan program cuti sekolah.](#)

### **BAHAGIAN IV - SYARAT-SYARAT LAIN**

[Perenggan 15. Laporan berkenaan dengan program cuti sabatikal.](#)

[Perenggan 16. Terma dan syarat perjanjian.](#)

[Perenggan 17. Cuti rehat terkumpul disifatkan luput.](#)

[Perenggan 18. Elaun memangku, dsb., tidak kena dibayar semasa cuti sabatikal.](#)

[Perenggan 19. Melibatkan diri dalam pekerjaan atau aktiviti lain untuk mendapatkan keuntungan.](#)

[Perenggan 20. Kawalan dan penyeliaan tatatertib.](#)

[Perenggan 21. Penamatan cuti sabatikal.](#)

### **BAHAGIAN V - PELBAGAI**

[Perenggan 22. Pemberian cuti sabatikal mengikut budibicara Naib Canselor.](#)

[Perenggan 23. Arahan Majlis.](#)

**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 26 [P.U.(A) 269/75] Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Canselor Universiti Sains Malaysia membuat statut yang berikut:

**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN I - PERMULAAN**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Sains Malaysia (Cuti Sabatikal) 1990** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1990.



**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN I - PERMULAAN**

---

**Perenggan 2. Tafsiran.**

Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna Tafsiran yang lain-

"cuti sabbatical" ertinya cuti yang diberi di bawah perenggan 3;

"guru" ertinya seseorang yang dilantik menjadi guru oleh Majlis mengikut Perlembagaan Universiti dan yang memegang jawatan substantif sebagai Profesor, Reader, Profesor Madya, Pensyarah, atau Penolong Pensyarah;

"Majlis" ertinya Majlis Universiti, Universiti Sains Malaysia;

"Naib Canselor" ertinya Naib Canselor Universiti Sains Malaysia;

"perkhidmatan tiga tahun" ertinya perkhidmatan terus-menerus selama tiga tahun enam bulan, dan "perkhidmatan lima tahun" ertinya perkhidmatan terus-menerus selama enam puluh bulan, dengan Universiti mengikut perenggan 4 (c) (i), 4 (c) (ii) atau 4 (c) (iii), sebagaimana yang terpakai, dan termasuk apa-apa tempoh pinjaman, tetapi tidak termasuk apa-apa tempoh-

(a) cuti tanpa gaji;

(b) cuti separuh gaji;

(c) cuti belajar;

(d) cuti bagi menghadiri suatu program di bawah apa-apa skim latihan bagi kakitangan akademik;

(e) perkhidmatan yang dikehendaki dikecualikan di bawah perenggan 5;

(f) tangguhan cuti sabbatical yang diluluskan di bawah perenggan 8 (1);

(g) tahanan kerja atau penggantungan di bawah mana-mana kaedah tata tertib Universiti; atau

(h) tahanan di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah atau tahanan pencegahan;

"tahun akademik" ertinya tempoh mulai dari 1hb Jun dalam mana-mana tahun hingga 31hb Mei tahun yang berikutnya;

"tarikh genap masa" ertinya tarikh selepas sahaja tarikh genapnya tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 4 (c) (i), 4 (c) (ii) atau 4 (c) (iii), sebagaimana yang terpakai, dan panjangnya tempoh itu bergantung pada sama ada permohonan untuk mendapatkan cuti sabbatical itu dibuat di bawah perenggan 3 (a) atau 3 (b);

"Universiti" ertinya Universiti Sains Malaysia.



**P.U. (B) 773/90  
STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN II - PEMBERIAN CUTI SABATIKAL**

---

**Perenggan 3. Tempoh perkhidmatan yang layak bagi cuti sabbatical dan lama serta maksud cuti sabbatical.**

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Statut ini, seseorang guru boleh diberi cuti sabbatical-

(a) tidak lebih dari lima bulan lamanya, jika dia telah genap perkhidmatan tiga tahun; atau

(b) tidak lebih dari sembilan bulan lamanya, jika dia telah genap perkhidmatan lima tahun,

bagi maksud mengikuti program tertentu yang diluluskan mengenai-

(aa) pengajian atau penyelidikan dalam bidang pelajaran yang tertentu; atau

(bb) lawatan untuk mendapatkan pengalaman dan memperolehi pengetahuan mengenai perkembangan dan kemajuan terbaharu dalam sesuatu lapangan pelajaran yang tertentu; atau

(cc) penulisan buku ilmiah; atau

(dd) kombinasi kehendak-kehendak dalam subperenggan (aa),(bb) dan (cc) yang tersebut di atas,

yang akan mendatangkan faedah kepada negara, Universiti dan guru.

**P.U. (B) 773/90  
STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN II - PEMBERIAN CUTI SABATIKAL**

---

**Perenggan 4. Lain-lain prasyarat bagi memberi cuti sabatikal.**

Seseorang guru boleh diberi cuti sabatikal jika-

- (a) dia telah disahkan dalam jawatannya;
- (b) dia tidak akan melebihi umur-
  - (i) lima puluh tiga tahun pada tarikh dia akan menghabiskan cuti sabatikalnya, sekiranya cuti itu diambil setelah genap perkhidmatan lima tahun; atau
  - (ii) lima puluh empat tahun pada tarikh dia akan menghabiskan cuti sabatikalnya, sekiranya cuti itu diambil setelah genap perkhidmatan tiga tahun; dan
- (c) dia telah genap perkhidmatan tiga tahun, atau perkhidmatan lima tahun, mengikut mana yang berkenaan-
  - (i) dalam hal seseorang guru yang tidak pernah pada bila-bila masa sebelumnya mengambil apa-apa cuti sabatikal, selepas sahaja tarikh perlantikan pertamanya dalam perkhidmatan sebagai seorang guru; atau
  - (ii) dalam hal seseorang guru yang pernah pada bila-bila masa sebelumnya mengambil apa-apa cuti sabatikal, selepas sahaja tarikh tamat cuti sabatikalnya yang terakhir sebelumnya; atau
  - (iii) dalam hal seseorang guru yang mana permulaan cuti sabatikalnya yang terakhir sebelumnya telah ditangguhkan dengan paksa di bawah perenggan 9 (1) atau (2), selepas sahaja tarikh cuti sabatikalnya yang terakhir sebelumnya itu sepatutnya tamatjika tidak ditangguhkan dengan paksa dan telah diambil pada tarikh genap masanya.

P.U. (B) 773/90  
STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990

BAHAGIAN II - PEMBERIAN CUTI SABATIKAL

---

**Perenggan 5. Tempoh perkhidmatan sebelum cuti belajar, dsb., dikecualikan pada mengira perkhidmatan yang melayakkan cuti sabatikal**

Jika seseorang guru meneruskan cuti belajar atau apa-apa cuti bagi menghadiri suatu program di bawah mana-mana skim latihan bagi kakitangan akademik, apa-apa tempoh perkhidmatan-

(a) dalam masa yang dia sedang melayakkan diri bagi mendapatkan cuti sabatikal; atau

(b) berkenaan dengan yang dia telah layak mendapat cuti sabatikal,

sebelum sahaja dia meneruskan cuti belajar atau cuti bagi menghadiri suatu program di bawah mana-mana skim latihan untuk kakitangan akademik itu, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikecualikan pada mengira suatu tempoh perkhidmatan yang disebut dalam perenggan 3 (a) atau 3 (b), sebagaimana yang terpakai.

**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN II - PEMBERIAN CUTI SABATIKAL**

---

**Perenggan 6. Permohonan bagi mendapatkan cuti sabbatical.**

Permohonan bagi mendapatkan cuti sabbatical-

- (a) hendaklah dibuat dalam borang sebagaimana ditentukan oleh Naib Canselor;
- (b) hendaklah menerangkan program cuti sabbatical yang dicadangkan itu dan menyatakan tempat atau tempat-tempat di mana program itu akan diikuti; dan
- (c) hendaklah diserahkan kepada Pendaftar melalui Ketua Jabatan dan Dekan Fakulti pemohon tidak kurang dari tiga bulan sebelum tarikh genap masa.

**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN II - PEMBERIAN CUTI SABATIKAL**

---

**Perenggan 7. Kelulusan cuti sabatikal.**

(1) Permohonan bagi mendapatkan cuti sabatikal hendaklah dikemukakan kepada Naib Canselor yang boleh, selepas berunding dengan Dekan Fakulti atau Ketua Jabatan pemohon, meluluskan, mengubahsuai atau menolak permohonan itu.

(2) Jika cuti sabatikal hendak diambil sebaik sahaja genap perkhidmatan tiga tahun, Naib Canselor hendaklah hanya meluluskan suatu program yang akan dijalankan sepenuhnya di Malaysia:

Dengan syarat bahawa Naib Canselor boleh dalam hal keadaan khas, jika difikirkannya patut berbuat demikian, meluluskan suatu program yang akan dijalani di luar Malaysia sepenuhnya atau sebahagiannya, tetapi dalam keadaan sedemikian-

(a) guru itu tidak berhak dibayar dan tidak boleh dibayar apa-apa perbelanjaan perjalanan; dan

(b) guru itu hendaklah dibayar elaun sara hidup tempatan dan elaun-elaun lain berdasarkan kadar yang telah diluluskan bagi seseorang guru yang bercuti sabatikal secara tempatan.

(3) Jika cuti sabatikal akan diambil sebaik sahaja genap perkhidmatan lima tahun, maka-

(a) jika kemudahan-kemudahan bagi program cuti sabatikal boleh didapati di Malaysia dan juga di luar Malaysia, Naib Canselor hendaklah menentukan sama ada program itu akan dijalani sepenuhnya atau sebahagiannya, di luar Malaysia; dan

(b) jika program cuti sabatikal dicadangkan akan dijalani pada lebih daripada satu tempat, Naib Canselor tidak akan pada kelazimannya meluluskan program itu melainkan jika kesemua tempat itu terletak dalam satu benua.

**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN II - PEMBERIAN CUTI SABATIKAL**

---

**Perenggan 8. Tangguhan cuti sabatikal atas sebab-sebab peribadi.**

(1) Seorang guru hendaklah mengambil cuti sabatikalnya pada tarikh genap masa:

Dengan syarat bahawa seseorang guru boleh memohon atas sebab-sebab peribadi untuk menangguhkan cuti sabatikalnya ke suatu tarikh tidak lewat dari dua belas bulan selepas tarikh genap masa.

(2) Permohonan di bawah proviso kepada subperenggan (1) hendaklah dibuat kepada Naib Canselor melalui Ketua Jabatan dan Dekan Fakulti pemohon tidak kurang dari tiga bulan sebelum tarikh genap masa.

(3) Tiada cuti sabatikal tambahan boleh diberi berkenaan dengan apa-apa tempoh tangguhan yang diluluskan di bawah subperenggan (1), dan tempoh tangguhan itu hendaklah dikecualikan pada mengira tempoh perkhidmatan yang disebut dalam perenggan 3 (a) atau (b), sebagaimana yang terpakai, bagi maksud cuti sabatikal yang kemudiannya bagi guru itu.



**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN II - PEMBERIAN CUTI SABATIKAL**

---

**Perenggan 9. Tangguhan paksa cuti sabatikal.**

(1) Naib Canselor boleh, dari semasa ke semasa, atas sebab-sebab desakan perkhidmatan, menghendaki seseorang guru supaya menangguhkan mengambil cuti sabatikal, dan, khususnya, Naib Canselor itu hendaklah menghendaki cuti sabatikal itu ditangguhkan untuk memastikan bahawa seseorang guru mengajar selama sekurang-kurangnya satu semester penuh dalam mana-mana tahun akademik:

Dengan syarat bahawa tangguhan itu tidaklah boleh bagi jumlah tempoh lebih daripada dua puluh empat bulan selepas tarikh genap masa atau tarikh yang cuti sabatikal itu mungkin telah ditangguhkan di bawah perenggan 8 (1).

(2) Naib Canselor boleh, dengan persetujuan guru yang berkenaan, melanjutkan tempoh tangguhan yang disebut dalam subperenggan (1):

Dengan syarat bahawa jumlah tempoh tangguhan di bawah subperenggan itu dan subperenggan ini tidaklah melebihi tiga puluh enam bulan.

**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN II - PEMBERIAN CUTI SABATIKAL**

---

**Perenggan 10. Luputnya cuti sabatikal dan habis kelayakan mendapatkan cuti sabatikal.**

(1) Jika seseorang guru tidak mengambil cuti sabatikalnya pada tarikh genap masa atau pada tarikh cuti sabatikal itu ditangguhkan di bawah perenggan 8 atau 9, maka cuti sabatikal itu hendaklah disifatkan luput.

(2) Pemberian cuti sabatikal kepada seseorang guru adalah menghabiskan kelayakannya untuk mendapat cuti sabatikal yang tertentu itu, walaupun tempoh cuti sabatikal yang diberi kepadanya adalah kurang daripada tempoh maksimum cuti sabatikal yang sepatutnya diberi kepadanya, tidak kira sama ada pemberian cuti sabatikal bagi tempoh yang kurang itu telah dibuat berikutan dengan permohonannya sendiri atau atas kehendak Naib Canselor.

**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN III - KEMUDAHAN DAN FAEDAH**

---

**Perenggan 11. Gaji semasa cuti sabbatical.**

Seseorang guru yang telah diberi cuti sabbatical hendaklah dibayar gaji penuh bagi jawatan substantifnya sepanjang tempoh cuti tersebut.

P.U. (B) 773/90  
STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990

BAHAGIAN III - KEMUDAHAN DAN FAEDAH

---

**Perenggan 12. Perbelanjaan perjalanan, elaun dan bayaran ganti bagi premium insurans kesihatan, dsb.**

Seseorang guru yang telah diberi cuti sabbatical di bawah perenggan 3 (b) dikenakan dengan suatu program yang akan dijalani di luar Malaysia-

(a) hendaklah menerima perbelanjaan perjalanan dan elaun-elaun dikenakan dengan cuti tersebut mengikut apa-apa kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dari semasa ke semasa dengan syarat bahawa guru itu tinggal di luar Malaysia bagi tempoh yang tidak kurang dari 4 bulan; dan

(b) hendaklah menerima bayaran ganti bagi premium insurans kesihatannya atau fee dikenakan dengan suatu Skim Kesihatan Kebangsaan atau suatu Skim Kesihatan Pelajar-pelajar yang disertainya dengan kelulusan Naib Canselor, selama tempoh cuti yang dihabiskan di luar Malaysia tertakluk kepada apa-apa batasan sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN III - KEMUDAHAN DAN FAEDAH**

---

**Perenggan 13. Bayaran fee.**

Kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam proviso kepada 7 (2), Universiti hendaklah membayar fee bagi program cuti sabbatical yang diluluskan dan bagi percubaan kali pertama dalam apa-apa peperiksaan di bawah program tersebut.

**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN III - KEMUDAHAN DAN FAEDAH**

---

**Perenggan 14. Bantuan luar berkenaan dengan program cuti sekolah.**

(1) Permohonan untuk mendapatkan bantuan kewangan atau apa-apa bentuk bantuan lain yang berharga daripada mana-mana punca selain daripada Universiti berkenaan dengan program cuti sabatikal, hendaklah dibuat oleh seseorang guru hanya dengan kelulusan Naib Canselor.

(2) Jika seseorang guru menerima apa-apa bantuan kewangan atau apa-apa bentuk bantuan lain yang berharga daripada mana-mana punca selain daripada Universiti berkenaan dengan program cuti sabatikal, melainkan atas permohonan yang dibuat olehnya di bawah subperenggan (1), guru itu hendaklah melaporkan kepada Naib Canselor tentang bantuan yang diterima olehnya itu.

(3) Jika seseorang guru menerima apa-apa bantuan kewangan atau apa-apa bentuk bantuan lain yang berharga berkenaan dengan program cuti sabatikal daripada mana-mana punca selain daripada Universiti, fee, perbelanjaan dan elaun yang biasanya kena dibayar kepada seseorang guru di bawah statut ini boleh dikurangkan hingga setakat dan mengikut apa-apa cara yang diputuskan oleh Naib Canselor.

**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN IV - SYARAT-SYARAT LAIN**

---

**Perenggan 15. Laporan berkenaan dengan program cuti sabbatical.**

(1) Seseorang guru yang menjalani program cuti sabbatical di luar Malaysia hendaklah mendapatkan laporan bertulis daripada penyeliaanya atau Ketua Jabatannya di universiti, institusi atau lain-lain organisasi di mana program itu dijalankan, dan mengemukakan laporan tersebut kepada Naib Canselor:

Dengan syarat bahawa dalam sesuatu hal yang patut, Naib Canselor boleh mengecualikan seseorang guru daripada kehendak di atas.

(2) Seseorang guru yang menjalani program cuti sabbatikalnya di Malaysia hendaklah melaporkan kemajuan kerja yang telah dibuatnya kepada Ketua Jabatannya sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tiga bulan dan mengikut apa-apa cara yang dikehendaki oleh Ketua Jabatannya.

(3) Seseorang guru yang telah bercuti sabbatical sarna ada di Malaysia atau di luar Malaysia, hendaklah mengemukakan, dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor, suatu laporan mengenai kerja yang telah dijalankan olehnya di bawah program cuti sabbatical itu kepada Pendaftar melalui Ketua Jabatannya dan Dekan Fakultiya dalam tempoh tiga puluh hari selepas dia kembali daripada cuti sabbatikalnya.

(4) Seseorang guru yang gagal mengemukakan laporan dalam tempoh yang ditetapkan dalam subperenggan (3) atau dalam apa-apa masa lanjutan yang diberi oleh Naib Canselor mengikut budibicaranya apabila permohonan dibuat oleh guru itu, tidak boleh diberi pertimbangan untuk mendapat apa-apa cuti sabbatical di masa depan.

**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN IV - SYARAT-SYARAT LAIN**

---

**Perenggan 16. Terma dan syarat perjanjian.**

(1) Pemberian cuti sabatikal kepada seseorang guru hendaklah tertakluk kepada syarat bahawa guru itu hendaklah menyempurnakan suatu perjanjian dengan dua orang penjamin yang boleh diterima oleh Naib Canselor, mengakujaji akan berkhidmat di Universiti selama tempoh-

(a) dua belas bulan dari tarikh dia melaporkan diri untuk bertugas sekembalinya daripada cuti sabatikal, jika cuti itu diambil sebaik sahaja genap perkhidmatan tiga tahun; atau

(b) dua puluh empat bulan dari tarikh dia melaporkan diri untuk bertugas sekembalinya daripada cuti sabatikal, jika cuti itu diambil sebaik sahaja genap perkhidmatan lima tahun.

(2) Perjanjian yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah dalam apa-apa bentuk, bagi apa-apa amaun dan mengandungi apa-apa syarat lain, sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Majlis.



**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN IV - SYARAT-SYARAT LAIN**

---

**Perenggan 17. Cuti rehat terkumpul disifatkan luput.**

Apa-apa cuti rehat yang mungkin telah dikumpulkan oleh seseorang guru sebelum dia memulakan cuti sabatikal hendaklah disifatkan telah luput mulai dari tarikh dia memulakan cuti sabatikal itu:

Dengan syarat bahawa seseorang guru yang diberi cuti sabatikal di bawah perenggan 3 (*b*), dan mengikuti suatu program cuti sabatikal yang diluluskan sepenuhnya di luar Malaysia dan Singapura, boleh dibenarkan mengambil cuti maksimum sebanyak empat belas hari daripada cuti rehat yang terkumpul itu sebaik sahaja tamat cuti sabatikalnya.

**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN IV - SYARAT-SYARAT LAIN**

---

**Perenggan 18. Elaun memangku, dsb., tidak kena dibayar semasa cuti sabatikal.**

Seseorang guru yang telah diluluskan bayaran apa-apa elaun memangku, elaun tanggungan kerja atau apa-apa elaun berkenaan dengan tugas-tugas khas pentadbiran, tidak boleh dibayar apa-apa elaun sedemikian sepanjang tempoh cuti sabatikalnya.

**P.U. (B) 773/90  
STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN IV - SYARAT-SYARAT LAIN**

---

**Perenggan 19. Melibatkan diri dalam pekerjaan atau aktiviti lain untuk mendapatkan keuntungan.**

Seseorang guru yang sedang bercuti sabatikal berada dalam perkhidmatan Universiti semasa cuti itu, dan tidak dibenarkan menjalankan apa-apa pekerjaan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti untuk mendapatkan apa-apa keuntungan daripada mana-mana punca selain daripada Universiti tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Naib Canselor.

**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN IV - SYARAT-SYARAT LAIN**

---

**Perenggan 20. Kawalan dan penyeliaan tatatertib.**

Semasa cuti sabbatikalnya seseorang guru masih berada di bawah kawalan dan penyeliaan tatatertib pihak-pihak berkuasa yang berkenaan di Universiti, dan dia hendaklah menunjukkan kelakuan yang bersesuaian dengan tanggungjawabnya kepada Universiti dan Kerajaan Malaysia, dan hendaklah tertakluk kepada semua peruntukan dan prosedur tatatertib yang terpakai bagi kakitangan Universiti.

**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN IV - SYARAT-SYARAT LAIN**

---

**Perenggan 21. Penamatan cuti sabatikal.**

Universiti hendaklah berhak menamatkan cuti sabatikal seseorang guru pada bila-bila masa mengikut syarat-syarat perjanjian yang disempurnakan di bawah perenggan 16, dan setelah penamatan itu, akibat-akibat yang dinyatakan dalam perjanjian itu hendaklah berikutan.

**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN V - PELBAGAI**

---

**Perenggan 22. Pemberian cuti sabatikal mengikut budibicara Naib Canselor.**

Pemberian cuti sabatikal di bawah Statut ini hendaklah mengikut budibicara Naib Canselor yang mana, dalam menimbangkan sesuatu permohonan atau klas permohonan tertentu untuk cuti sabatikal, atau dalam menimbangkan secara am semasa apa-apa tempoh tertentu permohonan-permohonan untuk cuti sabatikal, hendaklah mengambil perhatian tentang desakan perkhidmatan, implikasi kewangan yang terlibat dan kepentingan-kepentingan Universiti pada keseluruhannya atau dalam sesuatu hal tertentu.

**P.U. (B) 773/90**  
**STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (CUTI SABATIKAL) 1990**

**BAHAGIAN V - PELBAGAI**

---

**Perenggan 23. Arahan Majlis.**

Pada melaksanakan fungsi-fungsinya, menunaikan tugas- tugasnya dan menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Statut ini, Naib Canselor hendaklah bertindak mengikut apa-apa arahan berupa am atau khusus, iaitu arahan-arahan yang tak konsisten dengan Statut ini, sebagaimana yang diberikan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Dibuat pada 4hb November 1990.  
[USM. 88/1; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H Pt. III.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL MARHUM SYED HASSAN  
JAMALULLAIL,  
*Canselor, Universiti Sains Malaysia*



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

P.U. (A) 369/91

**STATUT XXXI  
HOSPITAL UNIVERSITI**

*Mengandungi pindaan terkini - P.U.(A) 180/94*

Tarikh mula berkuatkuasa :

7hb Februari 1983

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

**BAHAGIAN I - PERMULAAN**

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Tafsiran.](#)

[Perenggan 3. Penubuhan Hospital Universiti.](#)

[Perenggan 4. Objektif-objektif Hospital Universiti.](#)

**BAHAGIAN II - LEMBAGA PENGURUSAN HOSPITAL**

[Perenggan 5. Penubuhan Keanggotaan Lembaga Pengurusan Hospital.](#)

[Perenggan 6. Mesyuarat Lembaga.](#)

[Perenggan 7. Kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Lembaga.](#)

**BAHAGIAN III - PENGARAH DAN TIMBALAN-TIMBALAN PENGARAH HOSPITAL**

[Perenggan 8. Pengarah Hospital.](#)

[Perenggan 9. Timbalan Pengarah \(Pentadbiran\).](#)

[Perenggan 10. Timbalan Pengarah \(Profesional\)](#)

**BAHAGIAN IV - JAWATANKUASA EKSEKUTIF HOSPITAL**

[Perenggan 11. Penubuhan dan Keanggotaan Jawatankuasa Eksekutif Hospital fungsi dan kewajipannya.](#)

[Perenggan 12. Tempoh jawatan anggota yang dilantik, bagi Jawatankuasa Eksekutif Hospital.](#)

[Perenggan 13. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Hospital dan Jawatankuasa-jawatankuasa kecil ad hocnya.](#)



## **BAHAGIAN V - AM**

[Perenggan 14. Ketua unit klinikal.](#)

[Perenggan 15. Peruntukan-peruntukan peralihan berkenaan dengan kakitangan.](#)

[Perenggan 16. Displin kakitangan Hospital.](#)

[SENARAI PINDAAN](#)

**P.U. (A) 369/91**  
**STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [P.U.(A) 269/75], Canselor membuat, menurut peruntukan-peruntukan seksyen tersebut, statut yang berikut:

**P.U. (A) 369/91  
STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI**

**BAHAGIAN I - PERMULAAN**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut XXXI-Hospital Universiti** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 7hb Februari 1983.

**P.U. (A) 369/91**  
**STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI**

**BAHAGIAN I - PERMULAAN**

---

**Perenggan 2. Tafsiran.**

Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

'Dekan Farmasi' ertinya Dekan Kajian Sains Farmasi;

'Dekan Perubatan' ertinya Dekan Kajian Sains Perubatan;

'Hospital Universiti' ertinya Hospital yang ditubuhkan oleh Universiti;

'Jawatankuasa atau jawatankuasa kecil' ertinya satu jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang ditubuhkan di bawah Bahagian IV;

'Kakitangan Hospital' ertinya kakitangan Universiti yang dilantik untuk bekerja di Hospital Universiti, termasuk kakitangan perubatan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah, sama ada dilantik sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Statut ini;

'Kakitangan Perubatan' ertinya semua kategori kakitangan Universiti yang berkelayakan dari segi perubatan yang bekerja di Hospital Universiti, termasuk pegawai-pegawai perubatan pelatih, pegawai-pegawai perubatan, kakitangan pengajar Kajian Sains Perubatan iaitu gred-gred pensyarah, profesor madya dan profesor, dan kakitangan perubatan pelawat;

'Kerajaan' ertinya Kerajaan Malaysia;

'Lembaga' ertinya Lembaga Pengurusan Hospital yang ditubuhkan oleh Statut ini;

'Majlis' ertinya Majlis Universiti bagi Universiti Sains Malaysia;

'Pengarah Kampus' ertinya pegawai yang dilantik oleh Naib Canselor untuk mentadbir Kampus Cawangan Universiti di Kubang Kerian;

'Pengerusi' ertinya Pengerusi Lembaga Pengurusan Hospital;

'Pusat Perubatan' ertinya kawasan operasi yang mengandungi Kajian Sains Perubatan, Hospital Universiti, Bahagian Farmasi Klinikal dari Kajian Sains Farmasi dan semua perkhidmatan profesional tambahan dan berkaitan;

'Tahun Kewangan' ertinya tahun kalendar yang bermula pada satu haribulan Januari dan berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember bagi mana-mana tahun; dan

'Universiti' ertinya Universiti Sains Malaysia.



**P.U. (A) 369/91  
STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI**

**BAHAGIAN I - PERMULAAN**

---

**Perenggan 3. Penubuhan Hospital Universiti.**

Maka hendaklah ditubuhkan di Universiti Sains Malaysia, sebuah Hospital Universiti, untuk diurus dan dikelolakan sebagai bahagian yang penting Pusat Perubatan yang letaknya di Kampus Cawangan Universiti di Kubang Kerian, di Daerah Kota Bharu, Kelantan.

**P.U. (A) 369/91  
STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI**

**BAHAGIAN I - PERMULAAN**

---

**Perenggan 4. Objektif-objektif Hospital Universiti.**

Objektif-objektif Hospital Universiti hendaklah seperti berikut:

- (a) untuk berkhidmat sebagai sebuah hospital pengajar bagi Universiti dan berjalan sebagai sebuah hospital umum bagi faedah masyarakat selaras dengan keperluan Kerajaan;
- (b) untuk mengadakan kemudahan-kemudahan yang bermutu tinggi bagi pesakit-pesakit dalam dan pesakit-pesakit luar dan untuk berkhidmat sebagai sebuah pusat rujukan utama yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan diagnostik dan rawatan;
- (c) untuk mengadakan tempat tinggal dan kemudahan-kemudahan bagi kajian Sains Perubatan, Kajian Sains Farmasi dan profesion kesihatan yang berkaitan di peringkat prasiswazah dan lepasan ijazah serta pendidikan perubatan lanjutan yang berkaitan;
- (d) untuk mengadakan kenikmatan-kenikmatan dan kemudahan-kemudahan bagi penyelidikan yang akan dijalankan oleh Kajian Sains Perubatan, Kajian Sains Farmasi dan disiplin-disiplin kesihatan yang berkaitan;
- (e) untuk mengadakan program yang mencukupi bagi doktor pelatih dan doktor residen;
- (f) untuk memajukan Pusat Perubatan sebagai sebuah pusat bagi pendidikan perubatan yang bertaraf dan bereputasi antarabangsa.
- (g) untuk melaksanakan perkhidmatan perubatan yang lain dan perkhidmatan kesihatan yang berkaitan sebagaimana yang akan diarahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

**P.U. (A) 369/91  
STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI**

**BAHAGIAN II - LEMBAGA PENGURUSAN HOSPITAL**

---

**Perenggan 5. Penubuhan Keanggotaan Lembaga Pengurusan Hospital.**

(1) Maka dengan ini ditubuhkan Lembaga Pengurusan Hospital bagi Universiti di bawah subseksyen (1) seksyen 12 Perlembagaan Universiti, dan hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:

- (a) Naib Canselor yang akan menjadi Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Naib Canselor yang dilantik oleh Naib Canselor;
- (c) Pengarah Kampus;
- (d) Dekan Perubatan;
- (e) Dekan Farmasi;
- (f) dua orang anggota Majlis yang dilantik oleh Majlis;
- (g) *[Dipotong oleh P.U.(A) 180/94]*;
- (h) Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau wakilnya;
- (i) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan atau wakilnya;
- (j) Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia atau wakilnya;
- (k) Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam atau wakilnya;
- (l) Pengarah Perkhidmatan Kesihatan Negeri Kelantan;
- (m) Pengarah Hospital;
- (n) Bendahari Universiti;
- (o) Pendaftar Universiti yang akan bertindak sebagai Setiausaha kepada Lembaga; dan
- (p) mana-mana anggota tambahan lain, tidak melebihi dua (2) orang daripada kalangan kakitangan Universiti, yang dilantik oleh Majlis.

(2) Pengerusi hendaklah melantik seorang anggota Lembaga, yang bukan kakitangan Universiti untuk menjadi Timbalan Pengerusi Lembaga Timbalan Pengerusi hendaklah bertindak sebagai Pengerusi semasa ketidakhadiran Pengerusi.

(3) Timbalan Pengerusi hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dari tarikh perlantikan



ini, kecuali dia terlebih dahulu meletakkan jawatan itu, atau oleh kerana sesuatu sebab terhenti daripada menjadi anggota Lembaga.

(4) Seseorang anggota Lembaga yang dilantik di bawah subperenggan (1) (b), (1) (f), atau (1) (p), mengikut mana yang berkenaan, hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun, melainkan jika dia terlebih dahulu berhenti daripada menjadi anggota, atau hilang kelayakannya daripada dilantik menjadi anggota di bawah subperenggan (1) (b), (1) (f), atau (1) (p) tersebut, mengikut mana yang berkenaan.

(5) Timbalan Pengerusi, atau seorang anggota Lembaga yang dilantik di bawah subperenggan (1) (b), (1) (f), atau (1) (p) boleh meletakkan jawatan dengan memberi notis bertulis kepada Setiausaha Lembaga.

(6) Jika oleh kerana sesuatu sebab, suatu kekosongan berlaku mengenai anggota yang dilantik di bawah subperenggan (1) (f) atau (1) (p) dalam masa tempoh-sah tempoh pemegang jawatan itu atau tempoh anggota itu, mengikut mana yang berkenaan, Majlis hendaklah dengan seberapa segera yang praktik kemudiannya, membuat suatu perlantikan untuk mengisi kekosongan tersebut bagi baki tempoh itu.

**P.U. (A) 369/91  
STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI**

**BAHAGIAN II - LEMBAGA PENGURUSAN HOSPITAL**

---

**Perenggan 6. Mesyuarat Lembaga.**

- (1) Pengerusi hendaklah menentukan tarikh, tempat dan masa Mesyuarat bagi mesyuarat-mesyuarat Lembaga dengan syarat bahawa Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tiga bulan.
- (2) Mesyuarat akan dipanggil oleh Setiausaha Lembaga.
- (3) Kuorum mesyuarat hendaklah tidak kurang daripada setengah jumlah anggota-anggota Lembaga.
- (4) Lembaga bolehlah menentukan prosedurnya sendiri secara am, dan khususnya, berkenaan dengan mengadakan mesyuarat, notis yang akan diberi mengenai mesyuarat itu, prosiding dalam mesyuarat itu, penyimpanan minit-minut, dan jagaan, pengemukaan serta pemeriksaan minit-minut itu.

**P.U. (A) 369/91  
STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI**

**BAHAGIAN II - LEMBAGA PENGURUSAN HOSPITAL**

---

**Perenggan 7. Kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Lembaga.**

(1) Tertakluk kepada kuasa keseluruhan Majlis, Lembaga hendaklah bertanggungjawab bagi pengurusan dan pentadbiran Hospital Universiti menurut objektif-objektif Hospital Universiti dan hendaklah diberi kuasa untuk-

(a) berdiri, melengkap dan menyenggarakan perpustakaan, makmal, dewan kuliah, dewan tempat tinggal dan segala bangunan dan kemudahan lain yang diperlukan bagi maksud Hospital Universiti;

(b) membuat kontrak dan menubuhkan apa-apa amanah sebagaimana yang diperlukan bagi maksud Hospital Universiti bagi pihak Majlis;

(c) membuat syor-syor kepada Majlis berkenaan mengadakan jawatan-jawatan untuk kakitangan Hospital termasuk kakitangan perubatan, yang diperlukan bagi pelaksanaan dan pentadbiran pengajaran, penyelidikan dan fungsi-fungsi perkhidmatan Hospital Universiti yang sepatutnya;

(d) menasihatkan Majlis mengenai syarat-syarat perkhidmatan kakitangan Hospital, termasuk skim-skim perkhidmatan, tanggagaji dan cuti, dan mengambil tindakan dan memastikan syarat-syarat perkhidmatan bagi kakitangan Hospital itu dilaksanakan dengan sepatutnya sebagaimana yang diluluskan dari semasa ke semasa oleh Majlis;

(e) bertindak bagi pihak Jawatankuasa Disiplin Universiti dalam mendisiplinkan kakitangan Hospital sebagaimana yang difikirkan perlu atau dikehendaki oleh Jawatankuasa Disiplin Universiti;

(f) *mengawalselia* dan mengadakan peruntukan mengenai tempat kediaman dan kebajikan kakitangan Hospital;

(g) membuat peraturan-peraturan mengenai syarat-syarat kerja bagi kakitangan perubatan dan kakitangan profesional yang berkaitan yang bekerja sepenuh masa atau sambilan di Hospital Universiti dan memberi nama-nama jawatan hospital yang sesuai kepada kakitangan itu sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;

(h) menuntut dan menerima apa-apa *fee* sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa;

(i) bertanggungjawab atas kewangan yang diluluskan bagi Hospital Universiti dan memastikan bahawa rekod-rekod yang sempurna telah disimpan bagi kewangan sedemikian

(j) hendaklah dirundingkan mengenai anggaran-anggaran hasil dan perbelanjaan tahunan dan tambahan secara terperinci bagi Hospital Universiti bagi setiap tahun kewangan sebagaimana yang disediakan oleh Pengarah Hospital;

(k) menyiarkan laporan tahunan mengenai aktiviti-aktiviti Hospital Universiti dan mengemukakan laporan itu kepada Majlis;

(l) menerima hadiah *inter vivos* atau harta-harta lain yang didevais atau dibekueskan melalui wasiat kepada Hospital Universiti;

(m) menubuhkan, dari semasa ke semasa, jawatankuasa-jawatankuasa *ad hoc* yang terdiri daripada anggota-anggotanya dan atau orang lain sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk menguruskan apa-apa perkara yang berhubungan dengan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa Lembaga yang mungkin dirujuk atau diwakilkan oleh Lembaga kepada jawatankuasa *ad hoc* itu, dengan syarat perkara tersebut bukannya perkara yang termasuk dalam kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Jawatankuasa Eksekutif Hospital sebagaimana yang ditubuhkan di bawah Bahagian IV Statut ini;

(n) mengeluarkan arahan-arahan dan membuat peraturan-peraturan berhubungan dengan mana-mana atau semua perkara yang tersebut dahulu;

(o) memajukan hubungan dan membuat perjanjian-perjanjian gabungan bagi pihak Universiti dengan institusi-institusi perubatan dan juga agensi-agensi Kerajaan yang lain, hospital lain dan dengan kelulusan Majlis, mana-mana institusi perubatan luar negeri demi untuk mencapai dasar-dasar pendidikan dan penyelidikan Pusat Perubatan dan meninggikan reputasi Pusat; dan

(p) melakukan apa-apa perbuatan dan perkara sama ada bersampingan atau tidak dengan kuasa-kuasa yang tersebut dahulu sebagaimana yang diperlukan demi untuk memajukan rawatan-pesakit perkhidmatan, penyelidikan, pengajaran, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan disiplin di Hospital Universiti.

**P.U. (A) 369/91**  
**STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI**

**BAHAGIAN III - PENGARAH DAN TIMBALAN-TIMBALAN PENGARAH HOSPITAL**

---

**Perenggan 8. Pengarah Hospital.**

(1) Maka hendaklah ada seorang Pengarah Hospital yang akan bertanggungjawab bagi pentadbiran Hospital Universiti mengikut peruntukan-peruntukan Statut ini, dasar-dasar Lembaga dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Eksekutif Hospital, sebagaimana yang ditubuhkan di bawah Bahagian IV Statut ini.

(2) Dalam menjalankan kewajipan-kewajipannya sebagaimana yang dinyatakan di dalam perenggan 8 (3) di bawah, Pengarah Hospital hendaklah bertanggungjawab dari segi pentadbiran kepada Pengarah Kampus yang akan bertindak sebagai penyelarasan pentadbiran Pusat Perubatan.

(3) Kewajipan-kewajipan dan fungsi-fungsi Pengarah Hospital hendaklah termasuk-

(a) menjalankan pengawasan am ke atas kakitangan Hospital dan berfungsi sebagai ketua eksekutif Hospital Universiti;

(b) mentafsir, menyampaikan dan melaksanakan dasar-dasar pentadbiran Jawatankuasa Eksekutif Hospital dan jawatankuasa-jawatankuasa kecilnya dan memastikan dasar-dasar ini dipatuhi oleh kakitangan-kakitangan Hospital;

(c) menubuhkan melalui perundingan dengan Dekan Perubatan, aliran kuasa organisasi dan tanggungjawab untuk mengintegrasikan perkhidmatan-perkhidmatan pentadbiran dengan pengajaran, penyelidikan dan rawatan-pesakit;

(d) menyediakan peruntukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan farmasi di Hospital Universiti dapat dilaksanakan serta menentukan pembekalan dan penggunaan ubat-ubatan serta dadah dengan dibekalkan dengan teratur oleh Bahagian Farmasi, Hospital universiti;

(e) menyediakan laporan-laporan berkala berkenaan dengan aktiviti-aktiviti Hospital Universiti dan kedudukan kewangannya untuk dikemukakan kepada Lembaga melalui Jawatankuasa Eksekutif Hospital;

(f) menyediakan anggaran-anggaran hasil dan perbelanjaan tahunan Hospital Universiti untuk pertimbangan Jawatankuasa Eksekutif Hospital untuk dikemukakan kepada Lembaga;

(g) menguruskan supaya akaun-akaun Hospital Universiti diaudit oleh Juruaudit-Juruaudit Universiti;

(h) menyempurnakan, bagi pihak Universiti, apa-apa kontrak, suratcara atau dokumen berhubung dengan Hospital Universiti sebagaimana yang dibenar oleh Lembaga atau melalui Statut ini; dan

(i) menjalankan apa-apa kuasa lain sebagaimana yang diberi kepadanya, dan melaksanakan apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang dipertanggungjawabkan ke atasnya dari semasa ke

semasa, oleh Lembaga atau Statut ini, dan diwakilkan kepadanya oleh Jawatankuasa Eksekutif Hospital, dalam perkara-perkara berhubung dengan Hospital Universiti.

**P.U. (A) 369/91  
STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI**

**BAHAGIAN III - PENGARAH DAN TIMBALAN-TIMBALAN PENGARAH HOSPITAL**

---

**Perenggan 9. Timbalan Pengarah (Pentadbiran).**

Maka hendaklah ada seorang Timbalan Pengarah (Pentadbiran) yang akan bertanggungjawab kepada Pengarah Hospital dan yang kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya adalah seperti berikut:

- (a) menjadi Setiausaha jawatankuasa-jawatankuasa *ad hoc* Lembaga, Jawatankuasa Eksekutif Hospital sebagaimana yang ditubuhkan di bawah Bahagian IV Statut ini, dan menyimpan minit-minit mesyuarat badan-badan ini;
- (b) menjadi penyimpan rekod-rekod, dokumen-dokumen dan lain-lain harta Hospital Universiti;
- (c) membantu Pengarah Hospital dalam pentadbiran Hospital Universiti secara keseluruhannya termasuk perkara-perkara personel dan kewangan, dan menjalankan apa-apa kuasa Pengarah Hospital, dan melaksanakan apa-apa kuasa Pengarah Hospital, dan melaksanakan apa-apa kewajipan dan tanggungjawab Pengarah Hospital, sebagaimana yang diwakilkan kepadanya oleh Pengarah Hospital; dan
- (d) melaksanakan apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Pengarah Hospital.

**P.U. (A) 369/91  
STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI**

**BAHAGIAN III - PENGARAH DAN TIMBALAN-TIMBALAN PENGARAH HOSPITAL**

---

**Perenggan 10. Timbalan Pengarah (Profesional)**

Maka hendaklah ada seorang Timbalan Pengarah (Profesional) yang akan bertanggungjawab kepada Pengarah Hospital dan yang kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya adalah seperti berikut:

(a) membantu Pengarah Hospital dalam pentadbiran dan penyelarasan perkhidmatan perubatan Hospital dan perkhidmatan profesional Hospital yang berkaitan, dan menjalankan kuasa-kuasa tertentu Pengarah Hospital dan melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab Pengarah Hospital, sebagaimana yang diwakilkan kepadanya oleh Pengarah Hospital;

(b) bertanggungjawab bagi pentadbiran am perkhidmatan-perkhidmatan rawatan dan semua perkhidmatan bantuan berhubungan dengan rawatan-pesakit yang termasuklah-

(i) menyimpan dan menyenggara rekod-rekod perubatan Hospital Universiti dengan sepatutnya; dan

(ii) melaksanakan dasar-dasar sterilisasi dan disinfeksi Hospital Universiti,

(c) bertanggungjawab bagi perkhidmatan-perkhidmatan diagnostik Hospital Universiti; dan

(d) melaksanakan apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Pengarah Hospital.



**P.U. (A) 369/91  
STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI**

**BAHAGIAN IV - JAWATANKUASA EKSEKUTIF HOSPITAL**

---

**Perenggan 11. Penubuhan dan Keanggotaan Jawatankuasa Eksekutif Hospital fungsi dan kewajipannya.**

(1) Maka hendaklah ada satu Jawatankuasa Eksekutif Hospital yang bertanggungjawab kepada Lembaga dan yang terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:

- (a) Pengarah Hospital yang akan menjadi Pengerusi;
- (b) Dekan Kajian Sains Perubatan atau wakilnya;
- (c) Dekan Kajian Sains Farmasi atau wakilnya;
- (d) Seorang anggota Lembaga yang dilantik oleh Lembaga daripada kalangan anggota-anggotanya;
- (e) Timbalan-timbalan Dekan Kajian Sains Perubatan;
- (f) Timbalan Pengarah Hospital (Profesional);
- (g) Ketua Ahli Farmasi;
- (h) Ketua Matron;
- (i) Timbalan Bendahari, Kampus Cawangan Kubang Kerian;
- (j) Timbalan Pengarah Pembangunan, Kampus Cawangan Kubang Kerian;
- (k) Ketua Penolong Pendaftar (Personel);
- (l) Pegawai Keselamatan;
- (m) Penolong Pendaftar (Perhubungan Awam);
- (n) Timbalan Pengarah Hospital (Pentadbiran), yang akan bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Eksekutif Hospital; dan
- (o) tiga (3) orang ketua jabatan akademik dari Kajian Sains Perubatan, yang dilantik oleh Dekan Kajian Sains Perubatan.

(2) Jawatankuasa Eksekutif Hospital hendaklah diberi kuasa bagi menjalankan fungsi-fungsi dan kewajipan-kewajipan berikut:

- (a) melaksanakan dasar-dasar Lembaga dan membentuk arahan-arahan pentadbiran untuk melicinkan perjalanan Hospital Universiti;
- (b) berfungsi sebagai badan eksekutif Lembaga, dalam perkara-perkara berhubungan dengan penggunaan, pentadbiran dan penyenggaraan yang sepatutnya semua bangunan, harta dan kemudahan Hospital Universiti;
- (c) merancang, menyelaras dan mengawasi penggunaan yang berkesan bangunan-bangunan dan kemudahan-kemudahan Hospital Universiti itu untuk keperluan perkhidmatan-perkhidmatan pengajaran, penyelidikan dan rawatan-pesakit Pusat Perubatan;
- (d) mengadakan perhubungan dan penyelarasan di antara Hospital Universiti dengan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan rawatan kesihatan oleh Kementerian Kesihatan berkenaan dengan peranannya sebagai sebuah pusat rujukan utama yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan diagnostik dan rawatan;
- (e) mengatur, bagi pihak Lembaga, jadual kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab kaki-tangan Hospital;
- (f) membuat syor-syor kepada Lembaga bagi memindahkan semua atau mana-mana bahagian wang dari satu butiran kepada suatu butiran lain bagi perbelanjaan berulang tahunan Hospital Universiti;
- (g) mengatur pembelian kelengkapan dan bahan-bahan pakaihabis yang diperolehi bagi kegunaan di dalam Hospital Universiti;
- (h) menasihat dan membuat syor-syor kepada Lembaga mengenai perkara-perkara berhubungan dengan perkhidmatan Hospital dan rawatan-pesakit yang disediakan oleh Hospital Universiti;
- (i) melakukan segala perbuatan dan perkara lain sebagaimana yang diperlukan bagi mencapai objektif-objektif pendidikan, latihan dan perkhidmatan Pusat Perubatan; .
- (j) mengemukakan minit-minit mesyuaratnya dan laporan berkala lain berkenaan dengan aktiviti-aktiviti Hospital Universiti kepada Lembaga;
- (k) menubuhkan, dari semasa ke semasa, jawatankuasa-jawatankuasa kecil *ad hoc* yang terdiri daripada anggota-anggotanya dan atau orang-orang lain, sebagaimana yang dianggap perlu, bagi menguruskan apa-apa perkara berhubungan dengan fungsi-fungsi dan kuasa kuasa Jawatankuasa Eksekutif Hospital yang akan dirujuk atau diwakilkan kepada jawatankuasa kecil *ad hoc* itu oleh Jawatankuasa Eksekutif Hospital; dan
- (l) menguruskan perkara-perkara lain berhubungan dengan Hospital Universiti sebagaimana yang dirujuk atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga.

P.U. (A) 369/91  
STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI

BAHAGIAN IV - JAWATANKUASA EKSEKUTIF HOSPITAL

---

**Perenggan 12. Tempoh jawatan anggota yang dilantik, bagi Jawatankuasa Eksekutif Hospital.**

(1) Perlantikan seseorang anggota Jawatankuasa Eksekutif Hospital, di mana dia dikehendaki dilantik oleh peruntukan-peruntukan Bahagian ini, hendaklah selama tempoh tiga tahun mulai dari tarikh perlantikan melainkan jika anggota itu terlebih dahulu meletakkan jawatan atau hilang kelayakannya daripada dilantik sedemikian, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Seseorang anggota yang dilantik di bawah subperenggan 11 (1) (d) boleh meletakkan jawatan dengan memberi notis bertulis kepada Setiausaha Lembaga dan seseorang anggota yang dilantik di bawah subperenggan 11 (1) (0) boleh meletakkan jawatan dengan memberi notis bertulis kepada Setiausaha Lembaga bagi kajian Sains Perubatan.

(3) Jika oleh kerana sesuatu sebab suatu kekosongan berlaku mengenai anggota yang disebut dalam subperenggan (1) dalam masa tempoh-sah tempoh jawatannya, kekosongan itu hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik kemudiannya, diisi dengan perlantikan bagi baki tempoh jawatan anggota itu.

P.U. (A) 369/91  
STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI

BAHAGIAN IV - JAWATANKUASA EKSEKUTIF HOSPITAL

---

**Perenggan 13. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Hospital dan Jawatankuasa-jawatankuasa kecil *ad hoc*nya.**

- (1) Jawatankuasa Eksekutif Hospital hendaklah bermesyuarat pada masa dan di tempat tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengerusinya, dengan syarat bahawa mesyuarat-mesyuarat itu diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua bulan.
- (2) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ialah setengah dari bilangan keanggotaannya.
- (3) Jawatankuasa Eksekutif Hospital boleh menentukan prosedur-prosedurnya sendiri secara am dan hendaklah seterusnya diberi kuasa untuk membuat perintah-perintah tetap yang mengawalselia prosedur jawatankuasa-jawatankuasa kecil *ad hoc*nya, khususnya berkenaan dengan mengadakan mesyuarat, notis yang akan diberi mengenai mesyuarat itu, pro siding dalam mesyuarat itu, penyimpanan minit-minit, pengedaran, penetapan dan penjagaan, pengemukaan serta pemeriksaan minit-minit itu.

**P.U. (A) 369/91  
STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI**

**BAHAGIAN V - AM**

---

**Perenggan 14. Ketua unit klinikal.**

Pemegang sesuatu Kerusi atau seseorang Profesor Madya atau seseorang Pensyarah yang dilantik sebagai Ketua bagi mana-mana jabatan klinikal kajian Sains Perubatan hendaklah juga menjadi ketua unit klinikal yang bersamaan di Hospital Universiti;

Dengan syarat bahawa dalam hal-hal keadaan luarbiasa dan dengan tujuan supaya perkhidmatan hospital dijalankan dengan sempurna, Lembaga boleh, menurut budi bicara mutlaknyanya, menggantung seseorang daripada menjadi ketua mana-mana unit klinikal dan, dalam keadaan sedemikian, Lembaga hendaklah membuat perkiraan sementara sebagaimana yang perlu bagi pentadbiran unit klinikal itu.

**P.U. (A) 369/91  
STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI**

**BAHAGIAN V - AM**

---

**Perenggan 15. Peruntukan-peruntukan peralihan berkenaan dengan kakitangan.**

Semua orang yang telah bekerja sebagai kakitangan Hospital Universiti sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Statut ini hendaklah disifatkan sebagai kakitangan Hospital dalam erti Statut ini.

**P.U. (A) 369/91  
STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI**

**BAHAGIAN V - AM**

---

**Perenggan 16. Disiplin kakitangan Hospital.**

Disiplin kakitangan Hospital hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen 16A dan 16C Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Diperbuat pada 24hb Ogos 1991.  
[KP. R 022/113/J/Jld. VI; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H Pt. III.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI ALMARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor, Universiti Sains Malaysia*

**P.U. (A) 369/91  
STATUT XXXI - HOSPITAL UNIVERSITI**

---

**SENARAI PINDAAN**

*Undang-undang yang  
meminda*

*Tajuk ringkas*

*Berkuat kuasa dari*

[P.U \(A\) 180/94](#)

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 -  
Perlembagaan Universiti Sains Malaysia  
Statut XXXI- Hospital Universiti (Pindaan) 1994

30hb Januari 1993





P.U.(A)282/1991.

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 - PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS  
MALAYSIA  
STATUT XXXIV - PAKAIAN RASMI DAN AKADEMIK (PINDAAN) 1991**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia[P.U. (A) 269/75], Canselor membuat Statut yang berikut:

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini boleh dinamakan **Statut XXXIV - Pakaian Rasmi dan Akademik (Pindaan) 1991** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb April 1987.

**Perenggan 2. Pindaan Statut VIII.**

Bahagian II Jadual kepada Statut VIII - Pakaian Rasmi dan Akademik adalah dipinda[P.U. (A) 221/79]---

(a) dengan menggantikan bagi perkataan-perkataan " warna pusat pengajian" di mana-mana jua terdapat, perkataan-perkataan "warna ijazah";

(b) dengan menggantikan bagi berbagai ijazah dan warna yang terdapat di bawah kepala "WARNA PUSAT PENGAJIAN", yang berikut:

Farmasi	Ungu Lembut
Kejuruteraan	Hijau Tua
Komunikasi	Biru Lembut
Pendidikan	Putih
Pengurusan	Perak
Perubatan	Merah Lembayung
Sains	Kuning Padi
Sains Dengan Pendidikan	Ungu Pucat
Sains Gunaan	Hijau Muda Bertepikan Jalur Emas
Sains Kemasyarakatan	Jingga
Sains Komputer	Coklat
Sains (Perumahan, Bangunan dan Perancangan)	Merah Popi
Sastera	Merah Muda

Sastera Dengan Pendidikan  
Seni Bina  
Teknologi

Ungu Pucat  
Kuning  
Hijau Pucuk Pisang

(c) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "Doktor Falsafah" dalam perenggan (1) di bawah Kepala "JUBAH", perkataan-perkataan " dan Doktor Perubatan";

(d) di bawah kepala "HUD";

(i) dengan menggantikan bagi perenggan (1) perenggan baru yang berikut:

"(1) Doktor (selain daripada Doktor Falsafah dan Doktor Perubatan) dan Doktor Kehormat, berhak memakai hud berwarna ungu Penama berbentuk lengkap, bergaris sepenuhnya dan bertepi satu inci, dengan Warna Ijazah.";

(ii) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan "Sarjana Muda", di dalam perenggan (4), perkataan-perkataan "dan Doktor Perubatan"; dan

(e) di bawah kepala "PAKAIAN KEPALA";

(i) dengan menggantikan bagi perenggan (1), perenggan baru (1) yang berikut:

"(1) Semua Doktor (selain daripada Doktor Falsafah dan Doktor Perubatan) dan Doktor Kehormat, ketika berpakaian lengkap, hendaklah memakai bonet baldi berwarna ungu dengan tali rumbai yang warnanya serupa dengan Warna Ijazah."; dan

(ii) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "Sarjana Muda" di dalam perenggan (3), yang berikut:

"Doktor Perubatan"

Diperbuat pada 26hb Jun 1991.  
[KP. R. 022/113/J/Jld. V; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H Pt. III.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor,*  
*Universiti Sains Malaysia*



---

Jil. 35

8hb Ogos 1991

TAMBAHAN No. 59

No. 16

PERUNDANGAN (A)

---

P.U.(A) 283/1991.

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 - PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS  
MALAYSIA**

# **STATUT XXXV - IJAZAH DAN DIPLOMA (PINDAAN) 1991**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia[P.U. (A) 269/75], Canselor membuat Statut yang berikut:

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini boleh dinamakan **Statut XXXV - Ijazah dan Diploma (Pindaan) 1991** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb April 1987.

**Perenggan 2. Pindaan Statut VII.**

Perenggan 2 Statut VII - Ijazah dan Diploma adalah dipinda---

(a) dengan menggantikan bagi perenggan-perenggan 2 (1) (k) hingga 2 (1) (r), perenggan-perenggan baru yang berikut:

(k) Sarjana Muda Kejuruteraan (B. Eng.);

(l) Sarjana Muda Komunikasi (B. Comn.);

(m) Sarjana Muda Pendidikan (B. Ed.);

(n) Sarjana Muda Pengurusan (B. Mgt.);

(o) Sarjana Muda Sains Komputer (B. Com. Sc.);

(p) Sarjana Muda Senibina (B. Arch);

(q) Sarjana Muda Teknologi (B. Tech.);

(r) Sarjana Perubatan (Penyakit Dalam) (M. Med. (Int. Med.));

(s) Sarjana Sastera (M.A);

(t) Sarjana Pendidikan (M. Ed.);

(u) Sarjana Sains (M. Sc.);

(v) Sarjana Sains Kemasyarakatan (M. Soc. Sc.);

(w) Sarjana Sains (Perancangan) (M. Sc. (Planning));

(x) Doktor Perubatan (M. D);

(y) Doktor Falsafah (Ph. D);

(z) Doktor Sains (D. Sc.);

(b) dengan menggantikan bagi perenggan-perenggan 2 (2) (e) hingga 2 (2) (g), perenggan-perenggan baru yang berikut:

(e) Sarjana Ekonomi (Hon. M. Econ.);

(f) Doktor Ekonomi (Hon. D. Econ.);

(g) Doktor Falsafah (Hon. D. Phil.);

(h) Doktor Kejuruteraan (Hon. D. Eng.);

(i) Doktor Pendidikan (Hon. D. Ed.);

(j) Doktor Persuratan (Hon. D. Litt.);

(k) Doktor Sains (Hon. D. Sc.);

(l) Doktor Sains Perubatan (Hon. D. Med. Sc.);

(m) Doktor Undang-Undang (Hon. LL. D).

(c) dengan menggantikan bagi perenggan-perenggan 2 (3) dan 2 (4) dengan yang berikut:

(3) Universiti boleh menganugerahkan diploma---

(a) Pendidikan;

(b) Pentadbiran Rekod Perubatan;

(c) Teknologi Makmal;

(d) Teknologi Makmal Perubatan.

(4) Universiti boleh menganugerahkan sijil---

(a) Seni Kreatif;

(b) Komunikasi Massa.

(c) Teknologi Pendidikan.

Diperbuat pada 26hb Jun 1991.

[KP. R 022/113/J/Jld. V; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H Pt. III.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM

SYED HASSAN JAMALULLAIL,

*Canselor,*

*Universiti Sains Malaysia*

Copyright © 2005 PNMB-LawNet. All rights reserved.



**P.U. (A) 370/91.**

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 - PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS  
MALAYSIA  
STATUT XXXVI - LEMBAGA PENGAJIAN SISWAZAH (PINDAAN) 1991**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [*P.U. (A) 269/75*], Canselor membuat, menurut peruntukan-peruntukan seksyen tersebut, statut yang berikut:

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut XXXVI - Lembaga Pengajian Siswazah (Pindaan) 1991** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Ogos 1991.

**Perenggan 2. Pindaan Statut XVI.**

Teks bahasa kebangsaan bagi Statut XVI - Lembaga Pengajian Lanjutan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "lanjutan" dengan perkataan "siswazah".

**Perenggan 3. Pindaan perenggan 2.**

Perenggan 2 Statut XVI adalah dipinda----

(a) dengan menggantikan bagi perenggan 2 (2) (f) perenggan-perenggan baru yang berikut:

"(f) Pendaftar atau Timbalannya;

(g) tidak lebih daripada lima orang yang dilantik oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa."

(b) dengan menggantikan bagi perkataan "Pendaftar" dalam perenggan-perenggan 2 (4) dan 2 (6), perkataan-perkataan "Dekan Pengajian Siswazah".

Diperbuat pada 24hb Ogos 1991.

[KP. R 022/113/J/Jld. VI; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H Pt. III.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,



*Canselor,  
Universiti Sains Malaysia*

Copyright © 2005 PNMB-LawNet. All rights reserved.



AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 [AKTA 30]

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**P.U. (A) 371/91**

**STATUT XXXVII  
INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

Tarikh mula berkuatkuasa :

1hb Januari 1991

---

**SUSUNAN STATUT**

---

[Mukadimah](#)

[Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

[Perenggan 2. Penubuhan Institut Pengajian Siswazah.](#)

[Perenggan 3. Ketua Institut.](#)

[Perenggan 4. Setiausaha Lembaga.](#)

**P.U. (A) 371/91**  
**STATUT XXXVII - INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

---

**Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 26 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [*P.U.(A) 269/75*], Canselor membuat, menurut peruntukan-peruntukan seksyen tersebut, statut yang berikut:

**P.U. (A) 371/91**  
**STATUT XXXVII - INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

---

**Perenggan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Statut ini bolehlah dinamakan **Statut XXXVII-Institut Pengajian Siswazah** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1991.

**P.U. (A) 371/91**  
**STATUT XXXVII - INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

---

**Perenggan 2. Penubuhan Institut Pengajian Siswazah.**

Hendaklah ditubuhkan suatu Institut Pengajian Siswazah yang bertanggungjawab kepada Senat dan mempunyai kuasa dan tanggungjawab-tanggungjawab yang berikut:

- (a) menjalankan tugasnya sebagai Urusetia kepada Lembaga Pengajian Siswazah Universiti;
- (b) mempunyai fungsi-fungsi staf yang berikut:
  - (i) menyelaraskan dan mengaturkan kursus-kursus teras antara Pusat Pengajian/Pusat;
  - (ii) bertindak sebagai pusat bagi pelajar-pelajar pelbagai disiplin; dan
  - (iii) mengendali program akademik yang bersifat pelbagai bidang.
- (c) menjalankan fungsi-fungsi lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengajian Siswazah Universiti.

**P.U. (A) 371/91**  
**STATUT XXXVII - INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

---

**Perenggan 3. Ketua Institut.**

Ketua Institut, yang dikenali sebagai Dekan Pengajian Siswazah, hendaklah dilantik oleh Naib Canselor sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 18 (5) Perlembagaan.

**P.U. (A) 371/91  
STATUT XXXVII - INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

---

**Perenggan 4. Setiausaha Lembaga.**

Dekan Pengajian Siswazah hendaklah berfungsi sebagai Setiausaha kepada Lembaga Pengajian Siswazah Universiti.

Dibuat pada 24hb Ogos 1991.  
[KP. R 022/113/J/Jld. VI; PN. (PU<sup>2</sup>) 75H Pt. III.]

D.Y.M.M. TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM  
SYED HASSAN JAMALULLAIL,  
*Canselor, Universiti Sains Malaysia*